# NOTA LENGKAP

# ANTOLOGI




TINGKATAN 5

## PUISI TRADISIONAL

---

## BEBERAPA PETUA HIDUP

**Za'ba**

**MAKSUD**

**Rangkap 1 -** Orang yang kurang berfikir dan belajar hidupnya akan tersasar/mengakibatkan mereka salah langkah.

**Rangkap 2 -** Sesiapa yang bercakap kurang sopan dan biadap akan mengalami bencana.

**Rangkap 3 -** Sesiapa yang suka bergaduh sesama sendiri hidupnya akan diselubungi kesedihan.

**Rangkap 4 -** Sekiranya mempelajari ilmu separuh jalan/ tidak selesai tidak akan berguna dalam kehidupan

**Rangkap 5 -** Ilmu pengetahuan boleh diperolehi sekiranya belajar dengan tekun.

**Rangkap 6 -** Dunia merupakan tempat untuk bergaul dan berinteraksi serta mencari rakan yang sesuai.

**Rangkap 7 -** Sesiapa yang melakukan kebaikan namanya akan disanjung sepanjang zaman.

**Rangkap 8 -** Orang yang menganiayai orang lain akan dimurkai oleh Tuhan.

**TEMA**

Nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Gurindam ini menekankan penghayatan yang perlu ada dalam diri setiap insan/seseorang

**PERSOALAN**

1. Persoalan berfikiran baik dalam kehidupan.
   Contoh : ( R1) *Kurang fikir kurang siasat*
   *Tentu dirimu kelak sesat*
2. Menjaga percakapan sesama insan.
   Contoh ; (R2) *Kalau mulut tajam dan kasar*
   *Boleh ditimpa bahaya besar*
3. Persoalan memilih rakan baik dalam pergaulan.
   Contoh (R6) *Dunia ini taman pergaulan*
   *Hendaklah pilih sahabat dan taulan*
4. Persoalan berbudi dan berjasa dengan ikhlas sesama manusia.
   Contoh : (R7) *Barang siapa berbuat jasa*
   *Mulia namanya segenap masa*
5. Persoalan tentang setiap perbuatan akan ada balasan.
   Contoh : (R8) *Barang siapa berbuat khianat*
   *Tuhan kelak memberi laknat.*

**BENTUK DAN CIRI-CIRI GURINDAM**

1. Terdiri daripada lapan belas rangkap.
2. Setiap rangkap mempunyai dua baris.

3. Setiap baris mempunyai tiga hingga enam patah perkataan.
4. Bilangan suku kata antara sembilan hingga dua belas suku kata sebaris.
5. Rima akhirnya sama iaitu aa.

**GAYA BAHASA**

1. Repitasi - Kurang fikir, kurang siasat
2. Imej alam atau imejan - dipandang sebagai bunga di taman.
3. Pengulangan kata - Jikalau ilmu tiada sempurna
   Jikalau kamu bersifat budiman,
   Jikalau kamu bersifat dermawan
   Jikalau kamu bersifat pemurah
4. Sinkope - Tentu dirimu kelak tersesat
   Tetapi tolonglah dirimu dahulu
5. Simile - Ibarat beringin, racun dan upas
   dipandang sebagai bunga di taman.
6. Peribahasa - Telunjuk lurus kelengkeng berkait,

**NILAI**

1. Rasional – kita dinasihatkan agar berfikir dahulu sebelum berkata-kata untuk mengelakkan salah faham dan sengketa sesama manusia.
2. Kesopanan – kita dituntut agar menjaga tutur kata supaya tidak menyinggung hati orang lain.
3. Setia kawan – seorang sahabat yang baik akan sentiasa mendorong rakannya ke arah kebaikan.
4. Mengenang jasa – seseorang yang berjasa akan dikenang sepanjang masa.
5. Kerjasama – sifat suka membantu dan menolong sesama insan perlu diamalkan.
6. Kerajinan – kita dinasihatkan agar rajin belajar untuk menambahkan ilmu dan kemahiran.
7. Baik hati – kita dituntut agar sentiasa berbudi sesama manusia.
8. Kebijaksanaan – kita perlu bijak dalam memilih sahabat dan taulan di dunia ini.

**PENGAJARAN**

1. Kita mestilah berfikiran rasional sebelum bercakap dengan orang lain demi menjaga maruah diri.
2. Kita mestilah ikhlas dalam persahabatan dengan tidak bersengketa dengan sesiapa.
3. Kita mestilah setia dalam pergaulan dengan kawan-kawan supaya kehadiran kita disukai.
4. Kita mestilah gigih menimba ilmu demi menjamin masa depan yang lebih cerah.
5. Kita mestilah bersungguh-sungguh dalam usaha mencari ilmu supaya setiap masalah yang kita hadapi dapat diselesaikan.
6. Kita mestilah rajin berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan dalam diri supaya dapat menjadi manusia yang bijak pandai.
7. Kita mestilah berbuat baik sesama manusia agar dipandang tinggi dalam masyarakat.
8. Kita mestilah bersifat murah hati dengan membantu sesiapa sahaja untuk meringankan beban mereka.

## SELOKA BERBUAT ISTANA ZAMAN DAHULU

Za'ba

**MAKSUD**

**Rangkap 1**

Raja memerintah empat orang pembesar dan pawang raja membina istana yang tersergam indah. Seramai 44 orang tukang yang mahir dipaksa bekerja tanpa henti siang dan malam.

**Rangkap 2**

Masa yang diambil untuk membina istana yang lengkap selama 7 bulan. Istana itu mengandungi sembilan bilik, sepuluh rembat guntung, sebelas pancung serong dan 12 anjung tinggi.

**Rangkap 3**

Tiga ruang di istana yang unik dan menarik dikhaskan kepada lapan orang menteri .

**Rangkap 4**

Hiasan dalaman istana bermotifkan unsur-unsur alam. Corak ukiran amat indah dan halus seninya.

**Rangkap 5**

Setelah istana itu siap tukangnya dibunuh agar tiada orang yang boleh meniru seni bina istana tersebut. Lalu istana itu pun dipersembahkan kepada raja dan permaisurinya.

**TEMA**

Sindiran terhadap golongan raja yang mengutamakan kepentingan sendiri untuk kemahsyuran peribadi sehingga sanggup mengorbankan nyawa orang lain.

**PERSOALAN**

1. Persoalan seni bina istana masyarakat Melayu tradisional.

   (R3) *Galang-galangnya ular berang.*
   *Kasau kecil puteri menyembah.*
   *Kasau lentik helang berbega.*

2. Persoalan golongan raja yang mementingkan diri sendiri.

   (R5) *Istana siap tukang pun mat.,*
   *Tiada orang dapat meniru:*

3. Persoalan kehalusan seni ukiran melayu tradisional

   (R4) *Lilit-melilit akar Cina:*
   *Garam sebuku sisa jeragan.*
   *Bunga kenanga dimakan ular.*
   *Layang-layang di pintu Raja.*

**BENTUK DAN CIRI-CIRI SELOKA**

1. Terdiri daripada lima rangkap.
2. Bilangan baris dalam rangkap tidak sama, iaitu rangkap pertama; enam baris, rangkap kedua; enam baris, rangkap ketiga; enam baris, rangkap keempat; lapan baris dan rangkap kelima: tiga baris.

3. Setiap baris mengandungi dua hingga enam perkataan.
4. Bilangan suku katanya antara lapan hingga tujuh belas suku kata.
5. Rima akhirnya tidak sama.

**GAYA BAHASA**

1. Repitasi - empat puluh empat tukang dan utas
2. Imej alam atau imejan - Berbunga sawa mengelempai,
   Garam sebuku sisa jeragan
   Bunga kenangan dimakan ular
3. Anafora - Tiang panjang maharaja lela
   Tiang tengah syukur menanti
4. Responsi - Istana siap dengan alatnya,
   Sepuluh dengan rembat guntung,
   Sebelas dengan pancung serong,
   Dua belas dengan anjung tinggi.

**NILAI**

1. Kerajinan – 44 tukang yang mahir begitu rajin untuk menyiapkan istana raja.
2. Bertanggungjawab – 44 tukang yang mahir bertanggungjawab untuk menyiapkan istana raja.
3. Kerjasama – 44 tukang yang mahir bekerjasama menyiapkan istana raja.
4. Kegigihan – 44 orang tukang yang mahir gigih menyiapkan istana raja walaupun mereka terpaksa bekerja siang dan malam.
5. Ketaatan – orang besar keempat menjunjung titah raja untuk membina dan menyiapkan sebuah istana yang di kelilingi parit dan tembok.

**PENGAJARAN**

1. Kita mestilah setia kepada raja dan menjalankan titah perintah raja dengan sempurna.
2. Kita mestilah bertanggungjawab dalam semua tugasan yang kita jalankan.
3. Kita mestilah memegang amanah yang diberikan kepada kita oleh raja.
4. Kita mestilah gigih mengerjakan sesuatu tugasan sehingga selesai.
5. Kita mestilah taat setia kepada raja dan mengikut titah perintah baginda.

**PUISI MODEN**

---

**SEJADAH RINDU - Mohd Haikal Aminuddin**

**MAKSUD**

**Rangkap 1**

Penyajak termanggu/ terdiam sewaktu mengenang kembali segala kesalahan yang telah dilakukan dan telah menyesali semua perbuatan yang dilakukannya.

**Rangkap 2**

Penyajak berharap agar diberi peluang untuk memulakan semula kehidupan lalu memandangkan masa dan peluang yang ada terlalu singkat. Penyajak berharap agar segala kesalahannya diampunkan sebelum meninggal dunia pada masa yang telah ditetapkan.

**Rangkap 3**

Dengan penuh keinsafan dan keikhlasan penyajak berkesempatan untuk bertaubat dan sujud kepada Tuhan walaupun dalam keadaan yang sangat sedih.

**Rangkap 4**

Penyajak melafazkan doa dengan sesungguh hati agar Tuhan mengampunkan dosanya.

**Rangkap 5**

Penyajak berdoa kepada Tuhan untuk menjadi manusia yang taat dan tidak lalai akan kehidupan dunia yang bersifat sementara.

**TEMA**

Keinsafan di saat meniti hari-hari terakhir. Penyajak menyesali dosanya dan memohon diberi kesempatan untuk mengulang kembali kehidupan yang lalu kerana penyajak sudah benar-benar insaf.

**PERSOALAN**

1. Persoalan keinsafan seorang manusia yang banyak melakukan dosa.
   Contoh: *Merekah keinsafan di hati yang beku*
   *Mengenang dosaku yang terdahulu.*

2. Persoalan setiap manusia diberi peluang untuk bertaubat selagi dia hidup.
   Contoh : *lafaz taubat mengiringi*
   *nafas sebak kian mengikuti.*

3. Persoalan setiap manusia masih berkesempatan untuk memohon keampunan sebelum meninggal dunia.
   Contoh : *moga terbuka ruang keampunan*
   *sebelum saat aku di nisankan.*
4. Persoalan ajal maut di tangan tuhan.
   Contoh : *sebelum saat aku dinisankan*
   *di masa yang kautetapkan*.

**BENTUK DAN CIRI-CIRI GURINDAM**

1. Terdiri daripada lima rangkap.
2. Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama, iaitu rangkap pertama; enam baris, rangkap kedua; enam baris, rangkap ketiga; tujuh baris, rangkap keempat; enam baris dan rangkap kelima; enam baris.
3. Jumlah patah kata dalam setiap baris antara satu hingga enam patah kata.
4. Bilangan suku katanya antara tiga hingga empat empat suku kata.
5. Rima akhirnya ialah rangkap pertama: aaaaaa, rangkap kedua: aaaaaa, rangkap ketiga : aabaaaa, rangkap keempat : aaaaaa dan rangkap kelima: aaaaaa.

**GAYA BAHASA**

1. Metafora - di sejadah rindu
2. Bahasa asing, bahasa Arab - mengungkap <u>kalimah syahdu</u><br>dalam keterhadan dan keterbatasan <u>insan</u><br>aku sujud menghadap <u>Ilahi</u><br>lafaz <u>taubat</u> mengiringi
3. Pengulangan kata - di sejadah rindu<br>di masa yang Kautetapkan<br>di keheningan yang sepi<br>di sejadah rindu yang luruh
4. Sinkope. - mengenang dosa<u>ku</u> yang terdahulu<br><u>ku</u>pohon kembali nafas kehidupan<br>di masa yang <u>kau</u>tetapkan<br>kemaafan yang <u>ku</u>pohon
5. Responsi - izinkan <u>aku</u> menjadi manusia<br>agar <u>aku</u> tidak lupa

**NILAI MURNI**

1. Keinsafan - penyajak insaf akan kesalahan yang pernah dilakukannya.
2. Ketaatan kepada Tuhan – penyajak taat akan perintah Tuhan dengan melaksanakan ibadah.
3. Rasional – penyajak menyedari kesilapan yang dilakukannya dan bertaubat.
4. Kesyukuran – penyajak bersyukur kerana diberi peluang untuk bertaubat sebelum menemui ajal.
5. Keikhlasan – penyajak ikhlas berdoa dan menyedari dosa-dosanya yang lalu.

**PENGAJARAN**

1. Kita mestilah insaf akan kesilapan diri dan kembali ke jalan hidup yang sebenar.
2. Kita mestilah percaya bahawa adanya kita di bumi ini kepada kuasa Tuhan yang Maha Esa.
3. Kita mestilah berfikiran matang dan rasional dalam tindakan terutamanya sewaktu usia semakin tua.

4. Kita mestilah bersyukur kepada Tuhan atas segala nikmat dan peluang hidup yang dikurniakan kepada kita.
5. Kita mestilah taat akan didikan agama dan mengamalkan ajaran agama dengan penuh ketakwaan.
6. Kita mestilah mengakui kesalahan diri dan sedar bahawa keampunan daripada Tuhan dapat memberikan ketenangan hidup.
7. Kita mestilah ikhlas meminta keampunan daripada Tuhan Yang Maha Esa agar hidup menjadi lebih tenang.
8. Kita haruslah jujur dalam perbuatan dan tingkah laku agar tidak menyesal kemudian hari.

## PESAN LELAKI KECIL KEPADA GADIS KAMPUS

(Sazalee Yacob)

**MAKSUD**

**Rangkap 1**

Seorang petani yang miskin menghantar anak perempuannya ke menara gading untuk menuntut ilmu.

**Rangkap 2**

Si bapa mengharapkan kebebasan yang diberikan mampu menjadikan anaknya seorang yang tabah dan kuat berbekalkan akal untuk keluar/meloloskan diri dari cabaran yang sukar.

**Rangkap 3**

Walaupun berada di menara gading namun masih terdapat anasir-anasir yang jahat,kejam dan keji yang mampu melalaikan seseorang.

Di menara gading, penyajak baru mengenali erti kehidupan dan mula timbul perasaan megah/ sombong sehingga membuang/melenyapkan sikapnya yang baik.

**Rangkap 4**

Si bapa mengharapkan agar anaknya mampu menempuh segala dugaan dan tidak pulang dengan kegagalan.

**TEMA**

Harapan bapa dalam memberi pendidikan kepada anak-anak. Setiap ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka memperoleh pendidikan yang sempurna. Walau bagaimanapun banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh anak-anak sewaktu berada di menara gading.

**PERSOALAN**

1. Persoalan pentingnya ilmu dalam kehidupan.

   Contoh; *Kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu*
   *Memesrai azimat dan tangkal*

2. Persoalan tanggungjawab bapa terhadap anak.

   Contoh: *Kuhantar kau mengecapi angin baru*
   *Udara lain dari kampung bendang kuningmu*

3. Persoalan menjaga maruah diri di perantauan.

Contoh : *Pandai-pandailah kau terbang*
*Menongkah awan mulus dan kabus dingin*

4. Persoalan menuntut ilmu hingga mencapai kejayaan.

*Kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu*
*Memesrai azimat dan tangkal*
*Dari tangga gading*

**BENTUK SAJAK**

1. Terdiri daripada empat rangkap.
2. Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama, iaitu rangkap pertama; lapan baris, rangkap kedua; enam baris, rangkap ketiga; enam baris dan rangkap keempat; lima baris.
3. Jumlah patah kata dalam setiap baris antara tiga hingga enam patah kata dalam satu baris.
4. Bilangan suku katanya antara lima hingga lima belas suku kata.
5. Rimanya tidak sama.

**GAYA BAHASA**

1. Sinkope - Kuhantar kau mengecapi angin baru
udara lain dari kampung bendang kuningmu
bumantara asing dari yang sering kaumesrai
dengan suasana suntimu
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu
2. Responsi - Kuhantar kau mengecapi angin baru
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu

3. Anafora - Di awan kampus yang sarat ilmu
di pohon kampus yang tegar status
di padang kampus yang hijau pertimbangan

4. Metafora - mengenal kalimat hujan dan bilah petir
menyelit antara sembilu nasib
dan waras akal.

5. Perlambangan - burung → kebebasan
sembilu → kesedihan yang disebabkan oleh cabaran
tangga gading → universiti

6. Imejan atau imej alam - Kuhantar kau mengecapi angin baru
udara lain dari kampung bendang kuningmu
kaunikmatilah angin dan udara ilmu itu
dari tangga gading.

**NILAI**

1. Kasih sayang – penyair sebagai bapa amat sayang akan anak gadisnya.
2. Keberanian – keberanian penyajak sebagai seorang bapa melepaskan anak gadisnya untuk menuntut ilmu.
3. Baik hati – penyajak sebagai bapa bersikap baik hati dengan memberikan nasihat kepada anak gadisnya yang berada jauh di kampus.
4. Kecekalan – anak gadis dinasihatkan oleh bapanya agar cekal menghadapi cabaran dan dugaan di universiti.

**PENGAJARAN**

(a) Kita mestilah sayang akan ahli keluarga dan sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka.
(b) Kita mestilah bersungguh-sungguh dalam melakukan apa-apa yang kita sukai.
(c) Kita haruslah gigih menimba ilmu dan pengalaman demi kegunaan pada masa depan.
(d) Kita perlulah tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan demi mematangkan diri.
(e) Kita haruslah taat kepada ibu bapa dan tidak melupakan mereka selepas berpindah ke bandar.
(f) Kita haruslah menjaga maruah diri dan mengekalkan jati diri yang mulia di mana-mana sahaja kita berada.
(g) Kita mestilah berdikari sewaktu hidup di bandar seorang diri supaya tidak terlalu bergantung pada orang lain.
(h) Kita mestilah sabar menghadapi apa-apa cabaran yang menimpa kita agar dapat menjadikan diri kita lebih kental.
(i) Kita haruslah bijak menyesuaikan diri dalam apa-apa keadaan agar dapat menghadapi cabaran dalam kehidupan.

# ERTI HIDUP BERERTI

Teo Wei Sing

## MAKSUD

**Rangkap 1**
Fikiran penyajak sering dihimbau oleh nasib malang yang mengongkongi hidupnya dan tidak pernah berubah. Tiada siapa yang datang menziarahinya. Keluhan daripada seorang insan tua yang kesunyian.

**Rangkap 2**
Kebahagiaan hidup yang diimpikan oleh penyajak hanya angan-angan sahaja sehingga penghujung hidupnya. Anak-anak kandungnya sendiri sudah melupainya dan tidak sanggup untuk menjaganya. Anak-anaknya saling menolak untuk menjaganya. Penyajak mencari kehidupannya sendiri dan menanggung penderitaan hidup tanpa ada tempat bergantung yang kukuh.

**Rangkap 3**
Penyajak menganggap dirinya tidak dihargai dan diperlukan lagi walaupun mereka anak kandungnya sendiri. Penyajak berharap agar anak-anaknya sama ada yang sanggup berbakti atau yang telah melupakannya akan diberikan keinsafan. Penyajak berharap agar hidup dengan berkasih sayang dan menggantikan hubungan yang hambar sebelum ini. Manusia jangan leka, dalam putaran hidup ini akan ada yang hidup dan mati kecuali Tuhan yang kekal.

## TEMA

Keluhan ibu tua yang diabaikan oleh anaknya sendiri.
Seorang ibu yang mengharapkan belaian kasih sayang anak-anak pada penghujung usianya. Namun begitu anak-anak tidak mengendahkan dan mengambil tanggungjawab menjaganya. Jauh di sudut hatinya masih mengharapkan anak-anaknya akan insaf.

## PERSOALAN

1. Kasih sayang seorang ibu
   Contoh: ibu yang mengandungkan dan menjaga anak semasa kecil

2. Berbakti kepada ibu
   Contoh: anak-anak tidak boleh mengabaikan ibu yang melahirkan dan membesarkan mereka

3. Kebahagiaan hidup ialah impian semua orang
   Contoh: harapan seorang ibu agar anak-anak dapat memberikan kebahagiaan pada hari tuanya

4. Tanggungjawan seorang anak
   Contoh : anak-anak perlu insaf terhadap tanggungjawab menjaga kebajikan ibu kandung dan memberikan kebahagian kepadanya

5. Kekuasaan Tuhan
   Contoh: ada yang mati
   ada yang hidup
   tiada yang kekal kecuali Tuhan

## BENTUK SAJAK

1. Terdiri daripada tiga rangkap.
2. Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama. Rangkap pertama: tujuh baris, rangkap kedua; sepuluh baris, rangkap ketiga; sebelas baris.
3. Jumlah patah kata dalam setiap baris juga tidak sama, iaitu antara dua hingga enam patah kata dalam satu baris.
4. Bilangan suku katanya antara empat hingga tiga belas suku kata.
5. Rima akhirnya tidak sama.

**GAYA BAHASA**

1. Personifikasi - malam sepi, semoga disirami benih keinsafan
2. Simile - bagai kalung
3. Sinkope - yang melingkari leherku
   siapa yang akan datang menjengukku
   kucari erti hidup
   anakku bakaku

4. Anafora - dari sulung ditendang ke bongsu
   dari angah ditendang ke sulung balik

5. Responsi - dari sulung ditendang ke bongsu
   dari angah ditendang ke sulung balik

6. Metafora - Keheningan tasik, kehijauan rumput, benih keinsafan

**NILAI**

1. Kasih sayang – kasih sayang seorang tua terhadap anaknya tetap utuh walaupun anaknya itu melupakannya.
2. Ketabahan – ketabahan dalam mengharungi kehidupan seorang diri dan kesunyian tanpa dihiraukan oleh anak-anak.
3. Keinsafan – penyajak sedar dan insaf bahawa yang kekal hanyalah Tuhan.
4. Bertanggungjawab - sikap tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anaknya dengan mendoakan mereka agar dikurniakan keinsafan.

**PENGAJARAN**

1. Kita mestilah sayang akan ahli keluarga dan sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka dan menjaga ibu bapa sehingga hari tua mereka.
2. Kita perlulah tabah menghadapi cabaran dalam kehidupan demi mematangkan diri, terutamanya menghadapi usia yang tua.
3. Kita haruslah taat kepada ibu bapa dan tidak melupakan mereka selepas berpindah dari rumah ibu bapa, malah sentiasa menjenguk mereka.
4. Kita mestilah berdikari sewaktu hidup di bandar seorang diri supaya tidak terlalu bergantung pada orang lain, walaupun sewaktu tua.
5. Kita mestilah sabar menghadapi apa-apa cabaran yang menimpa kita agar dapat menjadikan diri kita lebih kental.
6. Kita haruslah menjadi anak yang bertanggungjawab dengan menjaga kebajikan ibu bapa dan menyejahterakan serta membahagiakan mereka.

**KUDUP PERANG**
Tuah Sujana

**MAKSUD**

**Rangkap 1**
Peperangan akan mengakibatkan kezaliman dan penindasan serta membangkitkan perasaan dendam antara satu sama lain. Namun begitu kita perlu bersyukur kerana walau dihimpit kesengsaraan oleh perang masih ada insan yang berani untuk bangkit berjuang walaupun dalam keadaan dikongkong dan disekat kebebasannya. Dia juga masih dapat memberikan harapan masa depan yang lebih baik. Timbul persoalan tentang siapakah pemimpin yang sejati.

**Rangkap 2**
Kita tidak sempat menganalisis dan berfikir untuk masa depan ketika konflik dan pertarungan untuk memegang tampuk kekuasaan. Pertentangan menjadi permusuhan yang menimbulkan pelbagai tafsiran yang mengelirukan. Timbul persoalan siapakah yang akan memusnahkan pendusta?

**Rangkap 3**
Sekiranya pejuang tersebut seperti Tuah, kita masih tidak dapat menyanjunginya sebagai seorang panglima yang paling gagah kerana keampuhan kesetiaannya terhadap kerajaan bukan menjadi ukuran teguhnya neraca keadilan. Kadang-kadang kesetiaan itu dimusnahkan oleh pengadu domba. Kesannya memberikan kesengsaraan dan penderitaan serta menjatuhkan maruah negeri.
Sekiranya pejuang tersebut seperti Jebat, kita tidak boleh melabelkannya sebagai pengkhianat kerana kita masih mengingati keadilan yang musnah kerana fitnah yang bermaharalela. Ada orang mengaguminya sebagai tokoh pejuang.

**Rangkap 4**
Perebutan kuasa telah melenyapkan pelbagai tipu daya yang sering dikaitkan dengan kepalsuan. Akhirnya, telah mengembalikan kebenaran kepada haknya, memberikan kesejahteraan dan melenyapkan perasaan dendam.

**TEMA**

Peperangan mengakibatkan kezaliman dan mencetuskan semangat perjuangan
Peperangan menyebabkan kezaliman, penindasan dan perasaan dendam. Selain itu, peperangan juga mencetuskan semangat perjuangan untuk menentang kezaliman dan menegakkan keadilan.

**PERSOALAN**

1. Pengorbanan diri untuk orang lain.
   Contoh: kesanggupan berkorban demi menegakkan kebenaran dan keadilan.

2. Kesan peperangan.
   Contoh: dalam peperangan berlaku tipu daya dan muslihat serta telah membangkitkan perasaan dendam antara satu sama lain.

3. Menegakkan keadilan
   Contoh: menjadi tanggungjawab setiap orang untuk menghentikan kezaliman dan penindasan demi menegakkan keadilan.

4. Kesetiaan terhadap negara
   Contoh: setiap orang mesti menunjukkan kesetiaan terhadap negara yang didiaminya.

5. Penilaian perlu dibuat secara adil berdasarkan konteks.
   Contoh: Tindakan Jebat memberontak adalah untuk menuntut keadilan terhadap Tuah dan bukan penderhakaan kepada raja.

**BENTUK SAJAK**

1. Terdiri daripada enam rangkap.
2. Bilangan baris dalam setiap rangkap tidak sama. Rangkap pertama; sebelas baris, rangkap kedua; sepuluh baris, rangkap ketiga; sepuluh baris, rangkap keempat; enam baris, rangkap kelima; lapan baris dan rangkap keenam; empat baris.
3. Jumlah patah kata dalam setiap baris juga tidak sama iaitu antara dua hingga enam patah kata dalam satu baris.
4. Bilangan suku katanya antara empat hingga tujuh belas suku kata.
5. Rima akhirnya tidak sama.

**GAYA BAHASA**

1. Personifikasi - sering mengudupkan putik dendam, kerana membenarkan sepasang mata, untuk berlari dengan tangan bergari, teramat lara kita menjahit semula
2. Metafora - mengudupkan putik dendam, menumbuhkan kelopak rahsia, Perang pun melecurkan lidah muslihat
3. Anafora - untuk berlari dengan tangan bergari<br>untuk sehari lagi; sambil bertanya:
4. Responsi - mewarnakan keindahan pada hodohnya<br>menjungkitkan amarah pada damainya
5. Sinkope - Andai namamu Tuah, Andai namamu Jebat,
6. Simile - seperti perawan

**NILAI**

1. Keberanian – penyajak berani mencari jawapan dan kepastian antara pahlawan dengan pengkhianat.
2. Keadilan – Tuah dan Jebat hendaklah diadili dengan saksama.
3. Keinsafan – penyajak insaf bahawa peperangan dan perbalahan akan menggugat kedamaian hidup.
4. Kerajinan – usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh untuk membina kebahagiaan hidup semula selepas peperangan perlu dilakukan.

**PENGAJARAN**

1. Kita mestilah berani meluahkan perasaan dan hujah tentang sesuatu perkara yang benar.
2. Kita mestilah menjadi seorang pemimpin yang berkewibawaan demi menjaga maruah diri dan keluarga.
3. Kita mestilah bertanggungjawab menyelesaikan segala tugasan yang diberikan kepada kita sebagai seorang pemimpin.
4. Kita mestilah amanah dalam usaha menjalankan tanggungjawab sebagai seorang yang memimpin sesuatu organisasi.
5. Kita mestilah adil dan saksama dalam segala perbuatan demi memastikan kesempurnaan sesuatu organisasi yang kita pimpin.

# PROSA TRADISIONAL

---

## BURUNG TERBANG DIPIPISKAN LADA

### SINOPSIS

Cerita memaparkan percubaan raja Siam, Bubunnya hendak menyerang kerajaan Melaka yang tidak kesampaian kerana kebijaksanaan pemerintah dan kesaktian hulubalang Melaka.

Ceritanya bermula pada zaman dahulu kala negeri Siam yang dikenali sebagai Syahrunnuwi begitu kuat sehingga semua kerajaan bawah angin telah ditakluki oleh Siam kecuali kerajaan Melaka. Apabila Melaka yang diperintah oleh Sultan Muzaffar Syah enggan memberi surat sebagai tanda tunduk kepada Siam, raja Siam telah menyuruh panglimanya Awi Cakri membawa hulubalang dan rakyatnya yang sangat ramai untuk menyerang Melaka melalui hulu Pahang. Apabila Sultan Muzaffir Syah mendengar berita tentang rancangan serangan Siam itu, baginda pun menghimpunkan rakyat Melaka dari segenap pelusuk negeri. Tun Perak dari Kelang telah datang membawa bersama-sama dengan anak isteri masing-masing. Pada masa itu, Seri Amerta dilantik oleh sultan sebagai bentara kerana kecerdikan dan kepetahannya berkata-kata.

Seri Amerta telah diminta oleh sultan untuk menyiasat tindakan Tun Perak tersebut. Tindakan Tun Perak itu dipersoalkan sebanyak tiga kali oleh Seri Amerta. Tun Perak meminta Seri Amerta jangan mencampuri urusan orang lain. Baginda menjelaskan sekiranya orang Kelang yang datang dari jauh itu ditemani anak isteri masing-masing, mereka akan berperang dengan lebih bersemangat. Apabila hal ini disampaikan kepada Duli Yang diPertuan, baginda amat bersetuju dengan tindakan Tun Perak itu lalu menitahkan Tun Perak terus bermastautin di Melaka. Apabila serangan Siam itu telah dapat dipatahkan, Tun Perak telah dijadikan sebagai bentara di Melaka.

Tidak lama kemudian Seri Amerta menyuruh Tun Perak menghadap kerana ada seorang orang Kelang mengadu bahawa dirinya dianiayai oleh Tun Perak. Setelah disoal siasat, Tun Perak menyatakan bahawa Seri Amerta tidak memahami tugas dan tanggungjawab diamanahkan oleh Sultan. Sultan bersetuju dengan penjelasan Tun Perak lalu melantiknya sebagai Perdana Menteri dengan gelaran Paduka Raja yang setaraf dengan Seri Nara Diraja.

Seri Nara Diraja sudah tua dan tidak mempunyai anak lelaki,hanya ada seorang anak perempuan yang bernama Tun Putih hasil perkahwinan dengan anak bendahara. Setelah isterinya itu mangkat barulah Seri Nara Diraja mengakui bahawa baginda mempunyai seorang anak lelaki yang bernama Tun Nina Madi hasil perhubungan dengan gundik istana.

Pada masa itu masyarakat Melayu telah berpecah kepada dua puak iaitu puak Paduka Raja dan puak Seri Nara Diraja kerana kedua-duanya mempunyai taraf yang sama. Kedua-dua orang besar ini tidak dapat bekerjasama kerana berbeza pendapat. Apabila hal ini diketahui oleh Sultan Muzaffir Syah, baginda amat kecewa kerana bimbang negara akan lemah jika pembesarnya saling tidak bermuafakat. Baginda telah memikirkan jalan penyelesaian dengan mencai jodoh baru kepada Seri Nara Diraja, tetapi semuanya telah ditolak oleh Seri Nara Diraja sehinggalah dia dijodohkan dengan Tun Kudu anak perempuan Bendahara Seri Wak Raja, saudara kepada Paduka Raja. Justeru, hubungan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja kembali baik apabila baginda bersetuju supaya Paduka Raja dilantik sebagai bendahara manakala Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Tidak lama kemudian orang Siam di bawah pimpinan Awi Dicu menyerang Melaka. Sultan mengetahui hal tersebut lalu menitahkan Paduka Raja dengan diiringi Seri Bija Diraja dan segala hulubalang untuk mempertahankan Melaka. Anak Seri Bija Diraja bernama Tun Umar yang berkelakuan aneh telah disuruh melanggar perahu pihak Siam, tiga buah perahu Siam telah dikalahkan dengan hanya sebuah perahunya. Pihak Siam menjadi takut dan membatalkan hasrat menyerang Melaka. Bendahara Paduka Raja menggunakan strategi memasangkan puntung api pada pokok-pokok di sepanjang pantai seolah-olah banyak perahu perang Melaka yang dibawa untuk mempertahankan Melaka. Angkatan perang Siam telah berundur. Setelah pihak Siam berundur, Bendahara Paduka Raja dan orang-orangnya telah dianugerahkan persalinan yang mulia.

Walau bagaimanapun, berita kegagalan serangan Siam itu sampai ke pengetahuan Paduka Bubunnya, raja Siam itu amat marah dan diri sendiri membuat keputusan untuk menyerang Melaka tetapi anaknya Cau

Pandan menawarkan diri untuk menyerang Melaka. Raja Siam bersetuju lalu menggunakan lapan ratus buah kapal perang besar dan banyak kapal perang kecil di bawah pimpinan Pra Kelong untuk membantu Cau Pandan menyerang Melaka. Apabila berita rancangan Siam untuk menyerang Melaka itu diketahui oleh sultan Melaka, Sidi Arab yang mempunyai kesaktian ilmu memanahnya telah memanah Cau Pandan yang berada di Siam. Akhirnya Cau Pandan yang belum sempat menyerang Melaka itu telah terkena panahan tersebut di dada, telah muntah darah lalu mati. Kesaktian Sidi Arab itu amat dihargai sultan dan diberi ganjaran yang setimpalnya.

Setelah empat puluh dua tahun Sultan Muzaffir Syah memerintah Melaka, akhirnya baginda mangkat dan digantikan oleh anaknya Raja Abdullah gelaran Sultan Mansur Syah. Ketika menaiki takhta, Sultan Mansur Syah berusia 27 tahun. Baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja iaitu Tun Putih Nur Pualam. Baginda seorang raja yang kacak, adil, dan murah hati yang tiada tolok bandingnya pada masa itu.

**TEMA**

Keghairahan Siam menyerang Melaka tanpa menilai kelemahan diri sendiri dan menyiasat kekuatan pihak lawan terlebih dahulu sebelum mengatur serangan.

**PERSOALAN**

1. **Kebijaksanaan Tun Perak dalam mengatur strategi menghalang serangan dari Siam**
   Tun Perak membawa rakyat dari Kelang bersama-sama anak isteri untuk menaikkan semangat berperang Tun Perak mengikat puntung api pada pokok bakau, pokok nyirih dan pokok api-api di sepanjang pantai bagi menakutkan pihak musuh.

2. **Semangat tidak mudah berputus asa.**
   Siam mengatur serangan ke atas Melaka sebanyak tiga kali walaupun kesemua percubaan tersebut menemui kegagalan.

3. **Kepentingan permuafakatan antara pemimpin memperkukuh ketahanan negara.**
   Konflik antara Tun Perak dengan Seri Nara Diraja telah menyebabkan masyarakat berpecah yang boleh melemahkan kekuatan negara.

4. **Perkahwinan dapat mengeratkan perhubungan persaudaraan.**
   Contohnya, Sultan telah menjodohkan Tun Kudu anak saudara Tun Perak dengan Sri Nara Diraja.

5. **Tanggungjawab melaksanakan tugas masing-masing tanpa mencampuri urusan orang lain**
   Tun Perak meminta Seri Amarta tidak mencampuri urusannya dan mempersoalkan sesuatu tindakan yang diambil.

6. **Merahsiakan sesuatu perkara bagi mengelakkan konflik dalam keluarga.**
   Seri Nara Diraja merahsiakan anak hasil hubungannya dengan gundik bagi mengelakkan berkonflik dengan isteri

7. **Unsur kesaktian dalam peperangan**
   Sidi Arab mempunyai kesaktian dalam ilmu memanah. Beliau telah memanah dari Melaka sehingga dapat membunuh Cau Pandan yang berada di benua Siam.

**PLOT**

**Permulaan**
Persiapan rakyat Melaka menghadapi ancaman pertama daripada Siam.

**Perkembangan**
Pemerintahan Sultan Muzaffar Syah di Melaka dan kebijaksanaan Tun Perak dalam pelbagai perkara.

**Konflik**
1. Antara Tun Perak dengan orang Kelang yang mengadu.
2. Antara Tun Perak dengan Seri Nara Diraja yang tidak sehaluan.

**Klimaks**
Sultan menceraikan Tun Kudu untuk dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja.

**Peleraian**
Kemangatan Sultan Muzaffar Syah.

**WATAK DAN PERWATAKAN**

**Sultan Muzaffar Syah**

1. Pemerintah negeri Melaka.
2. Baginda tegas dalam mentadbir negerinya.
3. Berpandangan jauh. Melantik Tun Perak sebagai pembesar kerana dapat melihat ciri-ciri kepemimpinan pada diri Tun Perak.
4. Baginda adil dalam pemerintahannya. Baginda tidak terburu-buru dalam menjatuhkan hukuman apabila menerima aduan orang Kelang berkenaan Tun Perak.
5. Baginda juga bijaksana. Baginda mengahwinkan Tun Kudu dengan Seri Nara Diraja bagi menyelesaikan perselisihan antara Seri Nara Diraja dengan Bendahara Paduka Raja.

**Tun Perak (Bendahara Paduka Raja)**

1. Tun Perak amanah dalam menjalankan tugas. Tun Perak bersedia meletakkan jawatan sekiranya sultan beranggapan beliau gagal melaksanakan tugasnya.
2. Beliau taat akan raja. Tun Perak mentaati perintah Sultan Muzaffar Syah supaya membuat persiapan untuk mengusir tentera Siam yang berada di Batu Pahat.
3. Tun Perak juga bijaksana. Tun Perak mengarahkan anak-anak buahnya memasang puntung api pada setiap pokok bakau untuk memperdayakan angkatan tentera Siam.
4. Beliau berhati-hati dalam melakukan sesuatu tindakan. Tun Perak tidak terburu-buru menjawab pertanyaan Seri Amerta kerana beliau berhati-hati dalam berbicara.

**Seri Nara Diraja**

1. Beliau memegang jawatan sebagai penghulu bendahari.
2. Seri Nara Diraja takut akan isterinya. Beliau hanya mengakui Tun Nina Madi sebagai anaknya selepas kematian isterinya.
3. Seri Nara Diraja sering berselisih pendapat dan tidak sepakat dengan Paduka Raja (Tun Perak)
4. Walaupun sudah tua, beliau berkahwin dengan Tun Kudu, bekas isteri Sultan Muzaffar Syah yangg juga saudara Tun Perak.

## LATAR

### Latar Masa

1. Zaman Kesultanan Melayu Melaka, pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.
2. Waktu malam – waktu Awi Dicu hendak menyerang Melaka dan Bendahara Tun Perak serta penduduk Melaka menyalakan puntung api.

### Latar Tempat

1. Melaka – tempat istana pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.
2. Kelang – Tempat Tun Perak memerintah sebagai Penghulu.
3. Hulu Muar – tempat rotan mengikat barang dibuang oleh angkatan Siam.
4. Batu Pahat – tempat orang Siam membuat perigi.

### Latar Masyarakat

1. Masyarakat yang taat akan pemerintah – pembesar dan rakyat Melaka taat titah perintah baginda sultan.
2. Masyarakat yang bersatu – penduduk Melaka bersatu tenaga mempertahankan Melaka daripada serangan Siam.
3. Masyarakat yang bijaksana – Tun Perak bijak mengatur strategi dalam menghadapi angkatan perang Siam.
4. Masyarakat yang berani – Tun Umar berani menghendap dan menyerang beberapa buah perahu Siam.
5. Masyarakat yang berilmu – Tuan Sidi Arab mempunyai ilmu tentang kemahiran memanah.

## GAYA BAHASA

1. Bahasa istana – tuanku, patik, titah
2. Penggandaan – perahu kecil-kecil
3. Bahasa Arab – Allah, fiil
4. Bahasa klasik – syahadan, hatta
5. Simile – seperti saudara sejalan jadi
6. Sinkope – ku, mu, tak

## NILAI

1. Keberanian – Tun Umar berani melanggar perahu Siam yang ingin menyerang Melaka.
2. Kebijaksanaan – Tun Perak bijak mengatur strategi menghadapi serangan Siam.
3. Keadilan – Sultan Muzaffar Syah bertindak adil dalam mendamaikan dua orang pembesar yang tidak sehaluan.
4. Tanggungjawab – pembesar dan rakyat Melaka bertanggungjawab mempertahankan Melaka daripada serangan Siam.
5. Rasional – Tun Perak memberi alasan yang rasional apabila diajukan soalan oleh Seri Amerta tentang aduan orang Kelang.

## PENGAJARAN

1. Kita hendaklah menjalankan pemerintahan secara adil dan saksama.
2. Kita hendaklah berani menentang musuh atas prinsip kebenaran.
3. Kita sewajarnya bertindak rasional apabila menghadapi masalah.
4. Kita mestilah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.
5. Kita mestilah mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara.

## CERPEN

---

## CINTA AHMAD MUTAWAKKIL

(Zainal Rashid Ahmad)

**SINOPSIS**

Cerpen *Cinta Ahmad Mutawakkil* ( Zainal Rasyid Ahmad) telah menggunakan pendekatan sorot balik tentang kisah perjuangan Ahmad Mutawakkil dalam menzahirkan cintanya terhadap bangsa dan negara. Ahmad Mutawakkil yang parah ditembak telah memeranjatkan penduduk kampung yang ketika itu sedang berdoa seusai solat maghrib. Setelah menjelaskan keadaan Ahmad Mutawakkil yang parah, terkulai lalu pengsan, penulis mula mengimbas kembali kisah perjuangan anak muda tersebut bermula daripada perubahan sosioekonomi penduduk kampung kesan kehadiran Tuan Booth sekeluarga. Kehadiran mereka bukan sahaja berjaya meningkatkan ekonomi penduduk kampung, malahan Ahmad Mutawakkil membesar sebagai pemuda berilmu hasil bantuan anak Tuan Booth, Sandra. Dia bukan sahaja menjadi penyebar maklumat tentang hal ehwal semasa kepada masyarakat di kampungnya, malahan turut bekerja membaca dan menjawab surat-surat rahsia daripada Inggeris untuk kumpulan anti-Jepun.

Cerpen ini diteruskan lagi dengan Ahmad Mutawakkil menyampaikan khabar kepada penduduk kampung tentang pengeboman Hiroshima dan Nagasaki yang membawa kelegaan dan rasa syukur mereka. Ahmad Mutawakkil kemudiaannya digambarkan sebagai pemuda yang berjiwa pemimpin apabila dia dapat mempengaruhi penduduk kampung dengan pidatonya yang membangkitkan semangat patriotisme dalam jiwa mereka. Dalam masa yang sama Ahmad Mutawakkil berjaya mengajak penduduk kampung untuk menjalinkan silaturahim dengan Tuan Booth sekeluarga yang tidak pernah memusuhi masyarakat di situ. Cerpen ini juga dikembangkan dengan kisah hubungan antara Ahmad Mutawakkil dengan Sandra yang sering menjadi tanda tanya kepada penduduk di situ.

Plot dirumitkan lagi dengan situasi 16 Jun 1948 di Perak apabila darurat diisytiharkan kerana Parti Komunis Malaya mula menggila. Ahmad Mutawakkil tetap mengajak masyarakat kampungnya berjuang tanpa menghiraukan keselamatan dirinya walaupun pihak komunis telah memberi amaran kepadanya melalui Tuan Booth agar tidak menghasut orang kampung membenci komunis.

Kemuncaknya, Ahmad Mutawakkil berjaya meniupkan semangat perjuangan yang begitu mendalam dalam jiwa penduduk kampung melalui pidato citra merdeka dan kritikan terhadap bangsa Melayu yang sanggup diperalat Parti Komunis Malaya. Setelah ditemui oleh seorang budak lelaki yang tidak dikenali seusai majlis ceramah tersebut, Ahmad Mutawakkil pergi dan tidak pulang-pulang sehingga dia datang pada malam esoknya di surau kampung dalam keadaan berlumuran darah. Ahmad Mutawakkil terbunuh namun semangat perjuangannya terus membara dalam masyarakat kampung sama seperti mereka rindu akan kata-kata semangat anak muda itu " Tanah Melayu pasti merdeka!". Tuan Booth sekeluarga pulang ke England seminggu selepas Tanah Melayu merdeka namun rasa cinta yang mendalam Sandra terhadap Ahmad Mutawakkil telah membawa dia pulang ke kampung tersebut untuk meneruskan kehidupannya di situ.

**TEMA**

Cerpen *Cinta Ahmad Mutawakkil* (Zainal Rasyid Ahmad) memaparkan tema perjuangan menentang penjajah. Ahmad Mutawakkil yang merupakan watak utama dalam cerpen ini telah menzahirkan cintanya terhadap bangsa dan negara melalui perjuangan menentang penjajah Inggeris, Jepun dan Komunis. Ahmad Mutawakkil telah menggunakan penguasaan ilmunya dalam menjadi penyebar maklumat tentang penjajah kepada mesyarakat di kampungnya. Sejak usia belasan tahun lagi, Ahmad Mutawakkil telah menonjolkan dirinya sebagai seorang pemimpin muda yang berpengaruh. Hal ini dibuktikan melalui pidato- pidato yang disampaikan kepada masyarakat kampung untuk meniupkan semangat patriotisme dalam diri setiap ahli masyarakat. Ahmad Mutawakkil merupakan seorang pemuda yang mempunyai semangat perjuangan yang tinggi sehinggakan tidak sanggup menerima sebarang pujian selagi Tanah Melayu belum merdeka. Dia sanggup menggadaikan nyawanya untuk menentang komunis dan akhirnya dia terbunuh sebelum mengecap kemerdekaan Tanah Melayu. Perjuangan dan pengorbanannya terus diingati oleh masyarakat kampungnya sama seperti mereka mengingati kata-kata anak muda itu "Tanah Melayu pasti merdeka!".

**PERSOALAN**

1. Persoalan perubahan sosioekonomi masyarakat kampung
   Contoh: Kedatangan Tuan Booth dan keluarga telah merubah sosioekonomi masyarakat kampung apabila beliau telah mengupah beratus-ratus buruh termasuk penduduk kampung sendiri untuk meneroka belukar bagi meluaskan penanaman getah.

2. Persoalan kepentingan sikap berdikari dalam kehidupan
   Contoh: Ahmad Mutawakkil belajar berdikari setelah kematian bapanya, Wan Sadir dengan cara bekerja dengan orang putih.

3. Persoalan kesan kedatangan penjajah
   Contoh: Kedatangan penjajah yang membawa kepada serangan telah menyebabkan seluruh ketenangan hidup masyarakat kampung hilang.

4. Persoalan tanggungjawab seorang pemimpin
   Contoh: Imam Ngah Deraman bergegas meninggalkan surau selepas solat isyak untuk mencari Ahmad Mutawakkil yang kehilangan tempat menumpang nasib setelah pemergian Tuan Booth sekeluarga akibat kedatangan Jepun dan mengambil Ahmad Mutawakkil sebagai anak angkatnya.

5. Persoalan kepentingan menguasi ilmu dalam kehidupan
   Contoh: Ahmad Mutawakkil menjadi tempat penduduk kampung mendapatkan maklumat tentang hal ehwal semasa kerana dia boleh menulis dan bercakap dalam bahasa Inggeris.

6. Persoalan semangat patriotisme dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan
   Contoh: Ahmad Mutawakkil menyeru ahli masyarakat agar mengikis tabiat buruk, berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa Melayu untuk merdeka.

**BINAAN PLOT**

**Permulaan**
1. Ahmad Mutawakkil muncul di surau dalam keadaan cedera parah.
2. Penulis mengimbas kembali sejarah pembukaan kampungnya dan kedatangan satu keluarga Inggeris membuka estet getah di kampung itu.
3. Ahmad Mutawakkil, remaja yatim paitu bekerja dengan keluarga Inggeris itu.
4. Apabila perang meletus, keluarga Tuan Booth meninggalkan kampung itu dan Ahmad Mutawakkil menjadi anak angkat Imam Ngah Deraman.

**Perkembangan**
1. Perang tamat apabila Jepun menyerah kalah.
2. Keluarga tuan Booth kembali ke kampung tersebut.
3. Ahmad Mutawakkil pula semakin aktif dengan pergerakan menuntut kemerdekaan.
4. Tuan Booth menjalin hubungan yang baik dengan penduduk kampung dan sering mengundang mereka ke majlis yang diadakan di banglonya.

**Perumitan**
1. Pada waktu itu juga dikhabarkan bahawa komunis kian bermaharajalela di seluruh negara sehingga darurat terpaksa diisytiharkan.
2. Pihak komunis tidak senang dengan Ahmad Mutawakkil yang lantang bersuara menentang mereka dan mengugut akan bertindak jika Ahmad Mutawakkil tidak berhenti.

**Klimaks**

1. Penduduk kampung kecoh dengan kehilangan Ahmad Mutawakkil.
2. Imam Ngah Ibrahim bimbang dengan keselamatan anak angkatnya itu.
3. Gerakan mencari dilakukan, namun Ahmad Mutawakkil tidak dijumpai.
4. Akhirnya, Ahmad Mutawakkil muncul di surau dalam keadaan cedera parah.
5. Dia rebah lalu meninggal dunia di pangkuan Imam Ngah Ibrahim.

**Peleraian**

1. Negara mencapai kemerdekaan.
2. Keluarga Tuan Booth kembali ke England.
3. Setahun selepas itu, Sandra kembali ke kampung itu lalu membuka kelas dan mengajar anak-anak kampung itu.

**TEKNIK PLOT**

1. Teknik dialog – Contohnya, dialog antara Ahmad Mutawakkil dengan Sandra. Ahmad Mutawakkil berasa terhutang budi atas kesudian Sandra mengajarnya menulis dan membaca.
2. Teknik imbas kembali – Contohnya, penulis mengimbas kembali peristiwa kedatangan sebuah keluarga Orang Putih ke kampungnya.
3. Teknik imbas muka – Contohnya, penulis membayangkan ketiadaan Sandra, anak gadis Tuan Booth pada malam penyampaian pidato oleh Ahmad Mutawakkil di kampungnya berkemungkinan disebabkan faktor kesihatan atau faktor merajuk.
4. Teknik kejutan – contohnya, kemunculan Ahmad Mutawakkil dalam keadaan cedera parah di pintu surau pada permulaan cerita menimbulkan kejutan kepada pembaca sedangkan dialah watak utama dalam cerpen ini.
5. Teknik monolog dalaman – Contohnya, penulis melahirkan rasa kesyukuran dalam hatinya atas dua perkara walaupun ketika itu Jepun sedang menjajah negerinya.
6. Teknik pemerian – contohnya, penulis memerihalkan keadaan Ahmad Mutawakkil sewaktu dia muncul secara tiba-tiba di pintu surau kampungnya.
7. Teknik saspens – contohnya, peristiwa kemaraan askar Jepun yang menyerang Tanah Melayu pada tahun 1941 telah menimbulkan tanda tanya kepada pembaca tentang nasib penduduk kampung penulis.

**WATAK DAN PERWATAKAN**

**Watak Utama : Ahmad Mutawakkil**

1. Anak Wak Sadir.
2. Yatim piatu.
3. Anak angkat Imam Ngah Deraman.
4. Bekerja di banglo estet Tuan Booth sehingga dia pandai membaca dan menulis serta bercakap dalam bahasa Inggeris setelah diajar oleh Sandra.
5. Ahmad Mutawakkil nasionalis dan aktif dalam parti. Dia berjuang menentang Inggeris secara terbuka melalui pidato dan ceramah.
6. Dia mempunyai kewibawaan dan sangat berpengaruh serta dihormati oleh penduduk kampungnya. Ketika berusia 24 tahun, dia terpilih sebagai pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.
7. Dia pemuda yang berani kerana tidak gentar akan ancaman komunis yang mengugutnya.
8. Seorang yang berbudi bahasa kerana menyantuni keluarga Tuan Booth yang banyak berjasa kepadanya.
9. Akhirnya, Ahmad Mutawakkil mati akibat ditembak oleh komunis.

**Watak sampingan**

**Imam Ngah Deraman**

1. Imam surau di kampung.
2. Bapa angkat Ahmad Mutawakkil.
3. Seorang yang penyayang – sayang akan Ahmad Mutawakkil yang yatim piatu.
4. Seorang yang taat akan agama – menunaikan solat berjemaah dengan penduduk kampung setiap waktu solat.
5. Dia seorang yang prihatin – sentiasa ambil tahu pergerakan Ahmad Mutawakkil.

**Sandra**

1. Anak gadis Tuan Booth.
2. Seorang gadis bermata biru dan berambut perang.
3. Fasih berbahasa Melayu.
4. Sandra tidak kedekut ilmu – mengajar Ahmad Mutawakkil membaca dan menulis serta berbahasa Inggeris.
5. Dia mempunyai perasaan terhadap Ahmad Mutawakkil – kecewa apabila Ahmad Mutawakkil jarang hadir ke majlis di banglo bapanya.
6. Seorang yang prihatin – ambil berat tentang kehilangan Ahmad Mutawakkil.
7. Dia membuka kelas dan mengajar anak-anak kampung selepas setahun negara mencapai kemerdekaan.

**Tuan Booth**

1. Berbangsa Inggeris.
2. Tuan punya estet getah.
3. Peramah – mesra dengan penduduk kampung.
4. Baik hati – turut menyertai misi pencarian Ahmad Mutawakkil yang hilang.

**LATAR**

**LATAR MASA**

1. Zaman penjajahan – penjajahan Inggeris di Tanah Melayu.
2. Zaman pendudukan Jepun – Jepun menakluki Tanah Melayu dengan melakukan pelbagai kezaliman.
3. Zaman darurat – komunis bermaharajalela di seluruh negara sehingga diisytiharkan perintah darurat.
4. Zaman selepas merdeka – Sandra kembali ke kampung itu selepas setahun negara ini merdeka.
5. Malam – waktu yang sering menjadi tumpuan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap membincangkan berita yang disampaikan oleh Ahmad Mutawakkil. Waktu Ahmad Mutawakkil menghembuskan nafas terakhir.
6. Tengah hari – waktu Ahmad Mutawakkil tiba di kampung.

**LATAR TEMPAT**

1. Surau – tempat penduduk kampung menunaikan solat berjemaah.
2. Banglo – tempat Tuan Booth sekeluarga tinggal. Juga tempat Ahmad Mutawakkil menumpang nasib.
3. Estet Ephill dan Estet Sungai Siput – tiga serangan berkembar yang mengorbankan tiga orang pengurus Inggeris.
4. England - tempat asal keluarga Tuan Booth.

**LATAR MASYARAKAT**

1. Masyarakat yan berbudi bahasa – Tuan Booth dan keluarganya amat mesra dan berbudi bahasa dengan penduduk kampung.
2. Masyarakat petani – penduduk kampung menanam pisang, ubi kayu dan keledek.

3. Masyarakat yang taat akan perintah agama – Imam Ngah Deraman, Penghulu Ibrahim Sigap dan jemaah kampung selalu menunaikan solat jemaah di surau kampung.
4. Masyarakat yang kejam dan zalim – golongan ini diwakili oleh kumpulan komunis yang bertindak kejam terhadap sesiapa sahaja yang menentang perjuangan mereka.
5. Masyarakat peneroka Inggeris – Tuan Booth datang ke kampung itu lalu membuka estet getah.
6. Masyarakat yang bekerjasama – penduduk kampung dan Tuan Booth bekerjasama meredah belukar di seluruh pelosok kampung kerana mencari Ahmad Mutawakkil.
7. Masyarakat yang cinta akan negara – Ahmad Mutawakkil sentiasa bersemangat dalam memperjuangkan rasa cinta akan negara melalui ceramah dan penulisannya.

**GAYA BAHASA**

1. Inversi - perlahan dan sangat rengsa bunyinya (bunyinya perlahan dan sangat rengsa)
2. Personifikasi – diratah dan dirobek peluru , setiap mata kami yang hadir tetap liar menyelinap...
3. Simile – laksana lampu ayan, darah membuak-buak bagai mata air
4. Bahasa Arab – alhamdulillah
5. Sinkope – ku, tak, mu
6. Hiperbola – kami masih keras membatu, nyala semangat dalam bola matanya.
7. Metafora – ambang maut, bahang kemerdekaan
8. Peribahasa – orang berbudi kita berbahasa, macam kera mendapat bunga.

**NILAI**
1. Keberanian – Ahmad Mutawakkil berani menyampaikan pidato kemerdekaan kepada penduduk kampung.
2. Kebijaksanaan – Ahmad Mutawakkil bijak menulis dan berbahasa Inggeris.
3. Hormat-menghormati – Tuan Booth hormat akan budaya penduduk tempatan.
4. Kesyukuran – penduduk kampung berasa bersyukur kerana kawasan mereka terpencil dan tidak menjadi sasaran peperangan.
5. Kerajinan – penduduk kampung rajin mengusahakan tanaman pisang, ubi kayu dan keledek.
6. Ketaatan – Imam Ngah Deraman, Penghulu Ibrahim Sigap dan jemaah kampung taat akan perintah Allah dengan menunaikan sembahyang berjemaah di surau kampung.
7. Patriotisme – Ahmad Mutawakkil berjiwa patriotik sehingga sanggup memperjuangkan kemerdekaan dalam pelbagai cara.

**PENGAJARAN**
1. Kita hendaklah mempunyai rasa cinta akan negara dengan memastikan negara berada dalam keadaan aman dan merdeka.
2. Kita hendaklah saling menghormati sesama anggota masyarakat bagi mengekalkan keharmonian hidup.
3. Kita hendaklah menjaga tingkah laku dan mempamerkan peribadi yang baik agar dihormati serta disenangi orang.
4. Kita hendaklah rajin menuntut ilmu supaya dapat meningkatkan pengetahuan.
5. Kita hendaklah saling bekerjasama demi menjayakan sesuatu tindakan.
6. Kita hendaklah sanggup berkorban demi memperjuangkan hak bangsa dan negara.

**HIPERTENSI**

Illias Zaidi

**SINOPSIS**

Cerpen *Hipertensi* (Illias Zaidi) memaparkan watak utama, Aiman Aqil yang sering berhalusinasi. Aiman sering menimbulkan kemarahan gurunya kerana tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran di dalam kelas. Dia sering berangan-angan menjadi tokoh-tokoh hebat dalam bidang Sains. Aiman Aqil mudah bosan dengan cara pembelajaran di sekolah menyebabkan dia sering ponteng sekolah. Hal ini menimbulkan kemarahan ayahnya sehingga dia kerap dirotan. Aiman sentiasa mengambil kesempatan untuk mewujudkan halusinasi futuristik penuh cabaran. Dia pernah membayangkan dirinya telah lulus pengajian tinggi dalam bidang aeroangkasa. Walaupun Aiman Aqil sering berhalusinasi, namun dia mempunyai prinsipnya yang tersendiri. Dia tidak mahu berangan-angan seperti Mat Jenin dan Si Luncai. Angan-angan Aiman terus mekar apabila dia terus berhalusinasi menjalani latihan intensif di bawah program aeroangkasa di bawah Rusia. Kemudian, dia terus berangan-angan hendak memantapkan diri sebagai persediaan untuk berlepas ke angkasa. Halusinasi Aiman tidak terhenti setakat itu sahaja, malah dia turut membayangkan jutaan khalayak menyaksikan siaran langsung perlepasan kapal angkasa yang dinaikinya. Aiman akhirnya berjaya mendarat di bulan dalam halusinasinya itu.

Setelah asyik melayan halusinasinya, akhirnya Aiman teringat akan bisikan halus yang didengarinya ketika di planet bulan melalui pentas halusinasinya. Suara ghaib itu mengajaknya lebih mendekatkan diri kepada Ilahi. Akhirnya, Aiman sedar daripada khayalannya bahawa dia perlu berusaha untuk mendapatkan sesuatu bukan sekadar berangan-angan. Jauh di sudut hati Aiman, dia memanjatkan doa dan harapan ke hadrat Ilahi.

**TEMA**

Cerpen *Hipertensi* (Illias Zaidi) bertemakan halusinasi futuristik yang penuh cabaran. Mindanya sering dipenuhi dengan halusinasi tentang tokoh-tokoh hebat dalam bidang Sains. Aiman Aqil yang merupakan watak utama sering berhalusinasi sebagai seorang angkasawan. Aiman Aqil sentiasa berangan-angan tidak kira tempat sama ada ketika di rumah ataupun ketika sedang mengikuti pembelajaran di dalam kelas. Dia pernah membayangkan bahawa dirinya sudah lulus pengajian tinggi dalam bidang aeroangkasa. Walaupun dia sering berhalusinasi, namun dia sekali-kali tidak akan membiarkan angan-angannya menjadi seperti angan-angan Mat Jenin dan Si Luncai yang tidak sampai ke mana-mana. Angan-angan tentang kehebatannya dalam bidang aeroangkasa semakin mekar sehinggakan dia bukan sahaja membayangkan bahawa dia pernah mengikuti latihan intensif di bawah program aeroangkasa bersama dengan Rusia, malahan dia pernah mendarat di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

**PERSOALAN**

1. Persoalan adab menuntut ilmu
   Contoh: Sikap Aiman yang tidak fokus terhadap pengajaran Cikgu Faridah di dalam kelas telah menyebabkan Cikgu Faridah hilang sabar.

2. Persoalan kebanggaan terhadap identiti diri
   Contoh: Aiman Aqil bengga akan nama yang diberikan kerana nama tersebut mempunyai makna yang baik.

3. Persoalan kepekaan akan situasi sekeliling
   Contoh: Aiman cepat-cepat membetulkan jawapannya apabila dia menyedari wajah Cikgu Faridah berubah dengan jawapan awal yang diberikannya.

4. Persoalan sikap memandang rendah terhadap keupayaan orang lain
   Contoh: Aiman menyindir adik-adiknya dan rakannya Chee Keong kerana lambat menyelesaikan tugasan Matematik.

5. Persoalan peranan ibu bapa dalam keluarga
   Contoh: Ayah dan ibu Aiman ingin mengetahui punca Aiman ponteng sekolah.

6. Persoalan ketagasan guru dalam mendidik pelajar
   Contoh: Guru kelas Aiman memberi amaran keras kepadanya kerana mengganggu rakan-rakan.

7. Persoalan kepentingan prinsip hidup
   Contoh: Aiman bertekad tidak akan menjadi seperti Si Luncai dan Mat Jenin yang hanya memasang angan-angan tanpa merealisasikan angan-angan tersebut.

8. Persoalan kasih sayang seorang ibu
   Contoh:Ibu Aiman begitu tersentuh hati apabila melihat Aiman dirotan oleh ayahnya.

**PLOT**

**Permulaan**
1. Aiman merenung lereng bukit dari celah jemarinya.
2. Lereng bukit itu terhakis dan runtuh menimpa sebuah banglo.
3. Dia teringat dan teori graviti dan suasana di kelas ketika Cikgu Faridah mengajarnya.

**Perkembangan**
1. Suasana di dalam kelas sewaktu Aiman dan rakan sekelasnya belajar.
2. Cikgu Faridah mengelarnya profesor disebabkan kepintarannya, ketinggian daya berfikirnya dan kematangannya berbanding dengan murid-murid yang lain.
3. Walaupun Aiman bijak, tetapi dia suka memberontak dan bersikap angkuh. Dia menganggu adik-adiknya ketika mereka membuat kerja sekolah. Dia juga memandang rendah kepada rakannya yang gagal menjawab soalan.
4. Aiman dipanggil oleh pengetua kerana menimbulkan masalah di sekolah.

**Perumitan**
1. Aiman dirotan oleh ayahnya. Ibunya tidak berani menghalang.
2. Ketika dirotan, Aiman berhalusinasi dengan membayangkan dirinya menjalani latihan intensif di bawah program aeroangkasa di Rusia.
3. Kemudian dia berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa dan seterusnya ke bulan.
4. Setelah melihat persekitaran bulan yang panas dan gersang, Aiman berasa sangat terasing dan mahu segera pulang.
5. Aiman yang berangan-angan ke angkasa lepas berada di pucuk kelapa dara.

**Klimaks**
1. Dia berharap ibu dan ayahnya menyambut kepulangannya dengan gembira.
2. Aiman berasa sedih kerana keluarganya tidak harmonis disebabkan sikap garang dan bengis ayahnya.

**Peleraian**
1. Aiman teringatkan bisikan ghaib yang mengajaknya mendekati Ilahi.
2. Aiman berdoa dengan penuh harapan ke hadrat Ilahi tatkala melihat kemusnahan lereng-lereng bukit.
3. Dia insaf dan bertekad untuk terus berusaha mencapai impiannya.

**TEKNIK PLOT**

1. Teknik pemerian – pengarang memerihalkan keadaan Aiman Aqil sewaktu dia dilahirkan di bilik bersalin.
2. Teknik dialog – perbualan antara Aiman dengan Cikgu Faridah di dalam kelas berhubung dengan Teori Graviti yang diperkenalkan oleh Isaac Newton.
3. Teknik monolog dalaman – Aiman bercakap dalam hati sama ada dia selamat berlepas dan mendarat di Stesen Angkasa Antarabangsa kelak atau sebaliknya.

4. Teknik imbas kembali – Aiman teringat akan pengajaran Cikgu Faridah di kelas berhubung dengan Teori Graviti.
5. Teknik Kejutan – kedegilan Aiman yang berterusan mengganggu rakan sekelasnya hingga dia dirotan oleh bapanya juga menimbulkan kejutan kepada pembaca kerana tindakan keras bapanya itu.
6. Teknik saspens – peristiwa percanggahan pendapat antara Aiman dengan Cikgu Faridah benar-benar menimbulkan tanda tanya dan perasaan ingin tahu dalam kalangan pembaca.

**WATAK DAN PERWATAKAN**

**Watak Utama : Aiman Aqil**

1. Anak sulung daripada tiga orang adik-beradik.
2. Dia murid yang pintar sehingga digelar profesor kerana mempunyai IQ yang tinggi.
3. Aiman bongkak akan kepintarannya. Dia sering menyindir adik-adik dan rakannya ketika mereka membuat kerja sekolah.
4. Dia juga bersikap degil kerana tidak mengendahkan teguran guru apabila mengganggu rakan di kelas.
5. Aiman suka memberontak kerana tertekan dengan sikap dan layanan bapanya yang garang.
6. Dia seorang yang pendendam, iaitu menyimpan dendam terhadap bapanya yang sering merotan dan menamparnya.
7. Aiman seorang yang bercita-cita tinggi iaitu menyimpan angan-angan untuk menjadi seorang angkasawan seperti Neil Armstrong.
8. Aiman suka berhalusinasi dan membayangkan dirinya seorang angkasawan.

**Watak sampingan**

**Babah (Bapa Aiman)**

1. Bapa Aiman yang bertugas sebagai seorang jurutera mekanikal.
2. Dia seorang yang bertanggungjawab dengan membesarkan tiga orang anak di rumahnya.
3. Dia seorang yang bengis dan garang, iaitu pernah menampar dan merotan Aiman kerana kedegilan dan kenakalan anaknya itu.
4. Bapa Aiman juga seorang yang penyayang, iaitu dia berusaha merawat masalah kegagapan anaknya dengan membawa Aiman menjalani latiahn intensif dan terapi.
5. Selain itu, dia seorang yang mementingkan pelajaran kerana telah merotan Aiman setelah mendapat tahu Aiman ponteng sekolah.

**Ibu Aiman**

1. Ibu Aiman bertugas sebagai seorang saintis dalam bidang geologi.
2. Dia seorang yang penyayang. Contohnya, dia berasa kasihan setiap kali melihat Aiman dirotan oleh suaminya.
3. Dia seorang isteri yang taat dan patuh kepada suami. Ibu Aiman tidak melawan apabila suaminya merotan Aiman.
4. Dia juga seorang yang penyabar, iaitu tetap bersabar dengan sikap garang suaminya dalam mendidik anak-anak terutamanya Aiman.

**Cikgu Faridah**

1. Seorang guru Sains di sekolah Aiman.
2. Dia seorang yang dedikasi ketika mengajar apabila bersungguh-sungguh menerangkan sesuatu ketika mengajar di dalam kelas.
3. Dia seorang yang cepat marah. Contohnya, wajah berubah apabila Aiman mempertikaikan teori graviti yang diajarnya dengan kuasa Tuhan.
4. Cikgu Faridah seorang yang bijak melihat potensi muridnya. Dia menggelar Aiman sebagai profesor kerana kepintaran dan kecerdikannya.

**LATAR**

**Latar Tempat**

1. Hadapan sebuah bukit – Aiman melihat sebuah banglo ditimpa tanah runtuh.
2. Dalam kelas – Cikgu Faridah meminta Aiman menjawab soalan yang berkaitan dengan Teori Graviti.
3. Rumah keluarga Aiman - Aiman mengganggu adik-adiknya yang sedang menyiapkan kerja sekolah. Di rumah juga Aiman dimarahi dan dirotan oleh ayahnya kerana suka menimbulkan masalah.
4. Planet bulan – ketika berhalusinasi, Aiman membayangkan dirinya sampai di bulan setelah berlepas dari Stesen Angkasa Antarabangsa.

**Latar Masa**

1. Zaman moden – sudah wujud Stesen Angkasa Antarabangsa yang menjadi tempat angkasawan menjalankan ujian.
2. Waktu tengah hari – Aiman dilahirkan pada waktu tengah hari.
3. Waktu siang – Aiman mendongak ke langit dan ternampak awan berarak.
4. Zaman remaja – zaman persekolahan Aiman, adik-adiknya dan rakan-rakannya yang lain.
5. Sepanjang minggu – tempoh Aiman ponteng kelas kerana lebam-lebam di pinggul.

**Latar Masyarakat**

1. Masyarakat remaja yang pintar dan bercita-cita tinggi. Aiman Aqil murid yang pintar dan mempunyai cita-cita menjadi seorang angkasawan.
2. Masyarakat guru yang mendidik anak bangsa. Cikgu Faridah yang bekerja sebagai guru mendidik murid-muridnya dengan dedikasi.
3. Masyarakat yang mementingkan pelajaran. Babah menegur Aiman apabila mengganggu adik-adiknya membuat kerja sekolah. Babah juga marah kepada Aiman yang ponteng sekolah.
4. Masyarakat golongan ibu bapa yang berpendidikan tinggi. Babah mempunyai pendidikan berlatar belakangkan kejuruteraan mekanikal manakala ibu Aiman seorang saintis dalam bidang geologi.
5. Masyarakat golongan ibu bapa yang tegas mendidik anak. Babah tegas menjaga disiplin anak-anaknya dengan memukul Aiman kerana suka melawan dan memberontak.
6. Masyarakat yang cinta akan alam sekitar. Aiman tidak suka melihat lereng-lereng bukit berhampiran rumahnya terancam.

**GAYA BAHASA**

1. Anafora – <u>Tidak</u> ada udara. <u>Tidak</u> ada air.
2. Epifora – Kemungkinannya <u>ada</u>. Kebarangkaliannya tidak berlaku juga <u>ada</u>.
3. Metafora – kalendar waktu, dedaun kemaafan, tasik hati.
4. Sinkope – ku, mu, tak.
5. Personifikasi – lereng bukit yang sudah tempang, sang suria terus setia memancarkan cahayanya.
6. Simile – hatinya seteguh karang, terlompat-lompat macam beruk, terhampar persis Sahara.
7. Bahasa pinjaman – graviti, planet, orbit, genius, formula, halusinasi, futuristik.
8. Bahasa Arab – Ilahi.

**NILAI**

1. Nilai kebijaksanaan – Aiman dan rakan-rakannya bijak kerana mempunyai IQ yang tinggi.
2. Nilai kasih sayang – Ibu Aiman sayang akan Aiman dan adik-adiknya.
3. Nilai keprihatinan – Babah dan ibu Aiman prihatin akan tindakannya yang memanjat pokok kelapa dara kerana berangan-anagn ke angkasa lepas dengan menyediakan tilam.
4. Nilai kegigihan – Aiman gigih menempuhi detik-detik di stesen angkasa lepas walaupun sekadar berangan-angan.
5. Nilai keberanian – Aiman berani memanjat pokok kelapa dara hingga ke pucuk kerana membayangkan dirinya menaiki kapal Soyuz.
6. Nilai keinsafan – Aiman insaf setelah mendengar bisikan yang menasihatinya supaya mendekatkan diri kepada Tuhan.

**PENGAJARAN**

1. Kita hendaklah mendalami sesuatu ilmu dengan bersungguh-sungguh.
2. Kita hendaklah bersabar apabila berhadapan dengan masalah atau cabaran.
3. Kita sewajarnya bertindak berdasarkan pemikiran yang rasional.
4. Kita mestilah cinta akan alam sekitar.
5. Kita sepatutnya menerima teguran ibu bapa sebagai tanda hormat.
6. Kita janganlah bersikap angkuh akan kelebihan yang dimiliki.
7. Kita hendaklah memupuk kasih sayang dalam keluarga agar hidup lebih harmoni.

## CERPEN GERHANA MANUSIA

(Aminah Mokhtar)

**SINOPSIS**

Cerpen Gerhana Manusia karya Aminah Mokhtar mengisahkan kesibukan di Wad ICU sebuah hospital. Ketika itu, di wad ICU terlantar Tuan Besar Musa yang sedang mengalami jangkitan kuman dalam paru-paru akibat gaya hidupnya yang tidak sihat. Tuan Besar Musa memerlukan pek darah yang banyak untuk meneruskan hidup. Nusia seorang jururawat yang bertugas membantu Dr Juaidi dan Dr Murni di Wad ICU yang menempatkan Tuan Besar Musa. Dr Juaidi dan Dr Murni  bertanggungjawab merawat semua pesakit di wad tersebut.

Ketika itu, terdapat beberapa orang pesakit lain yang memerlukan  darah untuk membantu merawat mereka. Antaranya ialah Solehah yang tenat akibat keguguran dan Al-Hafiz pula terlibat dalam kemalangan yang teruk. Pada wad yang sama terdapat seorang bayi yang dibuang di tepi jalan dan telah cedera digigit oleh anjing liar. Selain itu, terdapat seorang gadis yang menjadi mangsa sumbang mahram oleh ayahnya dan seorang mahasiswa yang mengidap leukimia.

Nusia telah dipertanggungjawab untuk membantu Dr Murni merawat semua pesakit di wad ICU  dan dipantau oleh Dr Juaidi. Dr Juaidi lebih memberi perhatian kepada Tuan Besar Musa kerana Tuan Besar Musa merupakan seorang ahli korporat  yang ternama. Tuan Besar Musa banyak memberi sumbangan kepada kelab elit hospital berkenaan. Selain itu, Tuan Besar Musa juga telah menderma beratus ribu ringgit untuk majlis makan malam hospital tersebut. Nusia tidak berpuas hati apabila Dr Juaidi tidak mempedulikan pesakit lain  disebabkan taraf  sosial berbeza.

Nusia tidak berpuas hati dengan arahan Dr Juaidi yang menyuruhnya membawa lima pek darah untuk merawat Tuan Besar Musa sedangkan darah-darah tersebut sangat diperlukan oleh pesakit lain. Tuan Besar Musa memang tidak mempunyai harapan untuk sembuh. Nusia tidak berpuas hati terhadap tindakan Dr Juaidi lalu menyuarakan ketidakpuasan hatinya kepada Dr Murni.

Dr Murni tidak mampu untuk berbuat apa-apa kerana Dr Juaidi lebih berkuasa di wad tersebut. Namun demikian,  akhirnya Tuan Besar Musa telah meninggal dunia dan Dr Murni telah dipersalahkan kerana tidak memberi bantuan darah kepada Tuan Besar Musa. Dr Murni sedar bahawa  setiap insan wajib ditolong tidak kira pangkat dan darjat. Nusia dan Dr Murni sendiri akhirnya yang menderma darah mereka untuk membantu 4 orang pesakit di wad tersebut yang masih memerlukan darah.

**TEMA**

Tema Gerhana Manusia menjurus kepada konflik terhadap etika kerja. Konflik antara memenuhi etika seorang jururawat dan tuntutan dari pihak atasan dalam membantu pesakit yang lebih berpengaruh. Profesor Dr. Juaidi menyuruh Nusia memberi bantuan darah kepada Tuan Besar Musa kerana Tuan Besar Musa banyak memberi sumbangan kewangan kepada hospital sedangkan pada masa yang sama masih ramai lagi pesakit lain yang sangat memerlukan darah tersebut.

**PERSOALAN**

1. Persoalan tanggungjawab seorang doktor terhadap pesakit. - Dr Juaidi dan Dr Murni bertanggungjawab merawat pesakit di hospital.

2. Persoalan perbezaan golongan berpangkat dengan masyarakat. - Tuan Besar Musa diberi layanan istimewa berbanding pesakit lain kerana dia seorang korporat ternama dan juga menjadi penyumbang kepada kelab elit hospital.

3. Persoalan kepentingan menderma darah dalam masyarakat. - Tuan Besar Musa, Soleha, Al-Hafiz, bayi dan gadis yang malang itu amat memerlukan bekalan darah untuk merawat mereka.

4. Persoalan peranan wad ICU kepada pesakit kritikal. - Soleha, Al-Hafiz, bayi dan gadis yang malang itu dimasukkan ke wad ICU kerana memerlukan rawatan yang rapi.

5. Persoalan pengambilan alkohol memudaratkan kesihatan. - Tuan Besar Musa telah dijangkiti dengan virus pada paru-paru akibat pengambilan alkohol.

**BINAAN PLOT**

**Permulaan**

1. Suasana cemas di wad Unit Rawatan Rapi apabila Tuan Besar Musa yang dalam keadaan koma tidak memberi tindak balas terhadap rawatan walaupun sudah banyak pek darah dimasukkan ke dalam tubuhnya.
2. Bekalan darah di bank darah juga hampir habis.
3. Terdapat juga beberapa orang pesakit lain yang tenat.

**Perkembangan**

1. Keadaan pesakit di wad dan usaha Nusia mendapatkan pek-pek darah daripada juruteknik makmal darah.
2. Jururawat iaitu Nusia mempertikaikan perkara itu kerana menganggap satu pembaziran sedangkan banyak pesakit lain memerlukan darah.
3. Dr Murni menenangkan Nusia dan mengatakan bahawa itu merupakan arahan Profesor Dr Juaidi.

**Perumitan**

1. Nusia memberitahu Profesor Dr Juaidi tentang keadaan pesakit lain yang juga memerlukan darah tetapi Profesor Dr Juaidi tetap mahu Tuan Besar Musa diberi keutamaan.
2. Nusia meluahkan rasa tidak puas hati kepada Dr Murni. Dia belas apabila melihat keadaan pesakit yang terlantar tetapi tidak diberikan perhatian, seolah-olah nilai kemanusiaan sudah tidak ada lagi.
3. Pihak hospital terlalu memandang ganjaran dan menjadikan perkhidmatan perubatan bagaikan satu perniagaan.
4. Dr Murni cuba menenangkan Nusia kerana mereka hanyalah golongan minoriti dan tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keadaan itu.

**Klimaks**

1. Nusia bertindak nekad dengan pergi ke bank darah dan mendesak juruteknik makmal melepaskan baki bekalan darah yang ada. Nusia sanggup berhadapan dengan Profesor Dr Juaidi yang marah dengan tindakannya itu.
2. Kemudian, Tuan Besar Musa meninggal dunia. Profesor Dr Juaidi mempersoalkan kehilangan lima pek darah yang sepatutnya diberikan kepada Tuan Besar Musa.

**Peleraian**

1. Dr Murni melepaskan jawatan serta-merta.
2. Profesor Dr Juaidi terkejut dengan tindakan Dr Murni.
3. Dr Murni menarik tangan Nusia dan mengajaknya ke bank darah untuk menderma darah.
4. Dia berharap agar bekalan darah dapat membantu pesakit-pesakit lain.

**TEKNIK PLOT**

1. Teknik Pemerian - pengarang menggambarkan keadaan Tuan Besar Musa ketika dirawat.
2. Teknik dialog - perbualan antara Nusia dan Dr Murni tentang Tuan Besar Musa yang sedang terlantar di katil dalam keadaan koma dan tenat.
3. Teknik monolog - Nusia berkata-kata dalam hatinya tentang keperluan bekalan darah yang diperlukan daripada hospital lain.
4. Teknik saspens - pembaca tertanya-tanya tentang keadaan Solehah apabila tekanan darahnya semakin menurun.
5. Teknik kejutan - Nusia dan Profesor Dr Juaidi terkejut apabila Dr Murni meletakkan jawatannya serta-merta.

**WATAK DAN PERWATAKAN**

**Watak Utama – Nusia**

1. Seorang jururawat yang bertugas di wad Unit Rawatan Rapi.
2. Dia seorang yang akur akan perintah ketua. Nusia mengikut arahan Profesor Dr Juaidi supaya memberikan sebotol *gelafundin* kepada Solehah untuk menggantikan darah tulen.
3. Nusia seorang yang penyayang. Dia amat menyayangi dan mengambil berat terhadap kesihatan pesakit-pesakitnya.

4. Nusia seorang yang bertanggungjawab. Dia berusaha memberikan khidmat kepada pesakit-pesakitnya dengan penuh tanggungjawab.
5. Dia seorang yang sangat bersimpati. Nusia menitiskan air mata melihat penderitaan yang dialami oleh Solehah.
6. Dia seorang yang berhati mulia. Nusia dan Dr Murni bersama-sama ke bank darah untuk menderma darah untuk kegunaan pesakit di hospital itu.

**Watak Sampingan**

**Doktor Murni**

1. Seorang pegawai perubatan muda si sebuah hospital.
2. Bertugas merawat pesakit di wad Unit Rawatan Rapi.
3. Dia seorang yang prihatin dan bertanggungjawab. Contohnya, Dr Murni memaklumkan kepada Dr Juaidi mengenai bekalan darah yang telah kehabisan stok.
4. Seorang yang tenang ketika merawat pesakit. Dr Murni menasihati Nusia agar tidak terlalu emosional ketika merawat Tuan Besar Musa.
5. Seorang yang berpendirian tegas. Dr Murni menyerahkan surat peletakan jawatannya tanpa sebarang syarat.
6. Seorang yang rasional dalam tindakannya. Dr Murni menyerahkan surat peletakan jawatannya kerana hilang keyakinan terhadap hospital tersebut.

**Profesor Doktor Juaidi**

1. Seorang pegawai perubatan senior di hospital.
2. Ketua jabatan kepada Dr Murni dan Nusia.
3. Dia amat mementingkan ganjaran material daripada nilai kemanusiaan. Dr Juaidi berusaha menyelamatkan Tuan Besar Musa sehingga mengabaikan pesakit-pesakit lain supaya tidak kehilangan tajaan berjumlah RM100 ribu.
4. Dia seorang yang bijak dalam menyelesaikan masalah. Dr Juaidi meminta Dr Murni menghubungi hospital lain bagi mendapatkan bekalan darah yang kehabisan stok.
5. Dia seorang yang tidak bertanggungjawab. Contohnya, dia meminta Nusia menggunaan *gelafundin* bagi menggantikan darah tulen untuk dimasukkan ke dalam tubuh Solehah.

**Tuan Besar Musa**

1. Seorang ahli korporat dan teknokrat yang berjaya.
2. Seorang dermawan.
3. Mempunyai seorang isteri jelita yang tidak setia.
4. Dia mengambil minuman keras selama bertahun-tahun.
5. Seorang pesakit yang sedang koma dan akhirnya meninggal dunia.
6. Dia menjadi penyumbang utama dana kelab elit hospital.

**LATAR**

**Latar Masa**

1. Dua jam – tempoh pesakit di wad Unit Rawatan Rapi ditinggalkan.
2. Zaman moden – kewujudan hospital yang dilengkapi perlatan moden.
3. Waktu siang – Nusia memaklumkan kepada Dr Murni bahawa bekalan darah di bank darah sudah kehabisan stok.

**Latar Tempat**

1. Wad unit rawatan rapi – tempat Tuan Besar Musa ditempatkan.
2. Makmal darah – Nusia mendapatkan lima pek darah untuk pesakit-pesakit yang tenat.
3. Wad terbuka – tempat pesakit-pesakit biasa dirawat seperti Hafiz.

**Latar Masyarakat**

1. Golongan masyarakat doktor dan jururawat – Profesor Dr Juaidi, Dr Murni dan Nusia bertugas merawat pesakit kritikal di Unit Rawatan Rapi sebuah hospital.
2. Masyarakat yang dedikasi dan amanah dalam menjalankan tugas. Dr Murni dan Nusia merawat pesakit dengan sabar dan penuh dedikasi tanpa mengenal penat.
3. Masyarakat yang mementingkan ganjaran dalam perkhidmatan . Profesor Dr Juaidi mengutamakan rawatan kepada Tuan Besar Musa kerana mengharapkan dana untuk kelab elit hodpital itu.
4. Masyarakat yang bersikap pilih kasih. Profesor Dr Juaidi bersikap pilih kasih kerana tidak memberikan perhatian dan rawatan yang sama rata kepada para pesakit di Unit Rawatan Rapi.
5. Masyarakat yang prihatin. Nusia amat prihatin akan nyawa pesakit-pesakit yang memerlukan darah.
6. Masyarakat yang suka minum minuman keras. Tuan Besar Musa suka menikmati minuman keras sehingga memudaratkan dirinya.

**GAYA BAHASA**

1. Istilah perubatan – virus, *alveolos, prognosis;leukemia, gelafundin, platelet, plasma, dopamin.*
2. Metafora - tapak muslihat.
3. Personifikasi – cuppingnya <u>diusapi</u> suara lembut Doktor Murni, renungan mata Doktor Murni <u>menikam</u> anak mataku.
4. Anafora - <u>Aku</u> menjeling. <u>Aku</u> cuba tersenyum walaupun hati terasa pedih.
5. Repitasi - “Doktor Murni, semalam <u>50 pek darah</u> masuk ke tubuhnya, <u>50 pek darah</u> juga yang keluar.”
6. Sinkope - kenapa <u>tak</u> ada waris yang datang menjenguknya?

**NILAI**

1. Dedikasi – Dr Murni dan Nusia dedikasi terhadap tugas sebagai pengamal perubatan.
2. Belas ihsan – Nusia berasa sangat kasihan terhadap nasib pesakit yang berada dalam keadaan koma dan kritikal di wad Unit Rawatan Rapi.
3. Keprihatinan – Nusia prihatin akan keadaan beberapa orang pesakit yang kritikal dan memerlukan darah.

4. Ketegasan – Nusia dan Dr Murni tegas dengan tidak mematuhi arahan Profesor Dr Juaidi dalam hal merawat pesakit kerana arahan tersebut tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan.
5. Keberanian – Nusia berani mengambil bekalan darah yang dikhususkan untuk Tuan Besar Musa demi menyelamatkan pesakit yang lain.
6. Bertanggungjawab – Nusia dan Dr Murni merawat pesakit yang koma dan kritikal di wad dengan penuh rasa tanggungjawab.

**PENGAJARAN**

1. Kita hendaklah bertindak secara adil dalam menjalankan rawatan terhadap pesakit.
2. Kita hendaklah bersepakat dalam membuat keputusan agar menghasilkan yang terbaik.
3. Kita haruslah mengutamakan nyawa yang memerlukan rawatan segera.
4. Kita hendaklah meminggirkan kepentingan diri apabila menghadapi masalah yang melibatkan nyawa.
5. Kita mestilah bertindak berani berdasarkan pemikiran yang rasional untuk sesuatu kebaikan.
6. Kita hendaklah menjalankan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab,
7. Kita hendaklah mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi.

## DRAMA

---

# BUKAN GILA
(Shariff Shaary)

**SINOPSIS**

**ADEGAN I**
Drama ini mengisahkan tentang Azmir yang dimasukkan ke wad kerana dikatakan kurang siuman. Semasa di dalam wad, fikirannya bercelaru dan dengan membayangkan kehadiran Ani, bapa dan Pak Haji serta berdialog dengan mereka. Dialog-dialog tersebut telah memperlihatkan perbezaan prinsip yang menjadi pegangan Azmir.

**ADEGAN II**
Azmir telah dilawati oleh doktor. Doktor telah mengizinkan Azmir untuk keluar bersiar-siar dari wad pesakit jwa. Namun begitu, doktor berpesan supaya Azmir tidak pergi jauh, hanya di kawasan wad sahaja.

**ADEGAN III**
Dalam adegan ini terdapat sesi pementasan lakonan yang diarahkan oleh Arif dan tiga orang pelakon. Setiap watak menyatakan prinsip hidup yang berbeza tentang dunia. ( dunia ialah kuasa, wang ialah dunia dan dunia ialah fikiran). Azmir pula berpendapat bahawa yang penting ialah sistem. Sistem yang betul ialah sistem yang prorakyat. Rakyat yang berkuasa menentukan segala-galanya. Dialog mereka berkisar tentang kehidupan ini yang berbentuk lakonan atau realiti. Azmir berpendapat bahawa sejarah membuktikan bahawa rakyat yang betul dan kemenangan sentiasa berpihak kepada rakyat. Pada masa yang sama Azmir sering melaung kesakitan pada kepalanya. Azmir diragui oleh kawan-kawannya sama ada Azmir benar-benar sakit atau hanya lakonan.
Kemudian Doktor Razi telah datang dan membawa Azmir kembali ke wad setelah tiga hari telah hilang.

**ADEGAN IV**
Arif, Pelakon 1, Pelakon 2 dan Pelakon 3 telah menziarahi keluarga Azmir. Mereka ingin mendapatkan maklumat latar belakang hidup Azmir. Ibu bapa Azmir nenceritakan kisah Azmir yang tinggal dengan neneknya, bersikap gila-gila, mula berpelakuan aneh apabila berada dalam tingkatan 6 dan tidak dapat menamatkan pengajian di universiti. Dia jugamenggunakan nama W.A. Domski dan bercakap dalam bahasa

Indonesia. Rakan Azmir pula mempunyai persepsi yang berbeza tentang diri Azmir. Rakan Azmir berpendapat mungkin Azmir kekurangan kasih saying dan sokongan daripada kedua ibubapa. Pelakon 2 pula berpendapat Azmir sedang menanggung kesakitan yang berat. Pelakon 1 pula berpendapat mereka perlu membantu Azmir kerana pada tanggapannya dia memerlukan kasih sayang, bukan cemuhan dan penghinaan.

**ADEGAN V**
Azmir bermonolong tentang kisah lampau hidupnya bercinta dengan Ani. Azmir juga bermonolong tentang suka duka kehidupannya.Manusia sering tertipu dengan keindahan dunia tanpa pertimbangan yang rasional. Akhirnya dia memilih untuk hidup bersendiri dan menilai cinta dalam kehidupan. Manusia ialah pemburu dalam kehidupan

**ADEGAN VI**
Berita kematian Azmir dilaporkan dalam akhbar pada 21 Jun 1993. Kematiannya amat mengejutkan dan dikaitkan berpunca daripad penyakit barah otak dilamainya. Ani menyesal kerana meninggalkan Azmir

**PEMIKIRAN**
Setiap orang mempunyai prinsip hidup dan ideologi yang berbeza yang boleh mempengaruhi tindakan/cara hidup.

**PERSOALAN**

1. Perbezaan pemikiran dan tindakan menyebabkan seseorang itu dianggap janggal oleh masyarakat sekeliling. Azmir dianggap gila kerana mempunyai pandangan yang berbeza tentang hidup (cinta, sifat kemanusiaan, prinsip hidup) berbanding orang lain.
2. Kepentingan cinta dan kasih sayang. Cinta dan kasih sayang amat penting bagi menjamin kebahagiaan
3. Rencah kehidupan. Hidup ini ibarat roda yang berputar, ada suka dan dukanya.
4. Dunia ini ibarat pentas lakonan. Dalam kehidupan di dunia ini, manusia ialah pelakonnya yang membawa pelbagai watak.
5. Kesakitan boleh membawa penderitaan. Azmir yang menanggung kesakitan kerana menghidap barah otak.
6. Sokongan daripada ahli keluarga terdekat boleh memberi kekuatan dalam menghadapi cabaran hidup. Azmir menanggung cabaran hidup tanpa sokongan ibu bapa dan kekasih hati.
7. Keprihatinan perlu ada dalam diri setiap manusia.Tindakan para pelakon yang mengunjungi rumah Azmir untuk mengetahui latar belakang hidup Amir
8. Setiap orang perlu mempunyai sikap bantu-membantu. Para pelakon yang membantu mengurangkan kesakitan dengan memicit-micit kepalanya.
8. Kekuasaan Tuhan. Perlu menerima takdir terhadap yang telah ditentukan oleh Tuhan
9. Sifat berterima kasih. Setiap manusia perlu berterima kasih terhadap sumbangan orang lain dalam kehidupan mereka – ibu bapa, para petani.
10. Hikmah di sebalik sesuatu kejadian. Sesuatu kejadian yang berlaku mempunyai pelbagai hikmah yang tersembunyi.

**PLOT**

**1. Permulaan**
Keadaan Azmir yang bercakap-cakap sendirian di wad pesakit jiwa.
Azmir berhalusinasi dan berjumpa dengan bapa dan Pak Haji.

**2. Perkembangan**
Azmir bertemu dengan pelakon drama ‘Sasau’.

**3.** K**onflik**
Pendapat Azmir dengan bapanya berbeza tentang kemasukannya ke wad pesakit jiwa.
Pendapat Azmir dengan Pak Haji berbeza tentang menjawab salam.
Perbezaan pendapat ibu Azmir dengan Arif serta para pelakon tentang Azmir yang dianggap gila.

**4. Klimaks**
Azmir menarik-narik rambut dan menghantuk-hantukkan kepalanya ke lantai sehingga darah mengalir serta berguling-guling.

**5. Peleraian**

Azmir melayani perasaannya terhadap Ani di wad dengan bercakap-cakap sendirian.
Akhirnya, Azmir rebah ke lantai dan meninggal dunia.
Ani menyesal setelah membaca akhbar tentang pemergian Azmir bersendirian akibat barah otak.

**TEKNIK PLOT**

1. Teknik Dialog – perbualan antara Azmir dengan bapanya di wad pesakit jiwa.
2. Teknik pemerian – pengarang memerihalkan keadaan Azmir.
3. Teknik Monolog – Azmir bercakap sendirian seolah-olah Ani ada bersamanya.
4. Teknik Monolog dalaman – Azmir mengungkapkan rasa terima kasih dalam hatinya.
5. Teknik Saspens – pembaca tertanya-tanya apakah yang akan berlaku apabila Azmir menghantuk-hantukkan kepalanya ke lantai sehingga berdarah.
6. Teknik kejutan – pembaca dikejutkan dengan berita kematian Azmir akibat menghidap penyakit barah otak.
7. Teknik Imbas kembali – ibu Azmir menceritakan kehidupan Azmir kepada Arif dan rakan-rakan sebelum memasuki wad pesakit jiwa.

**WATAK DAN PERWATAKAN**

**Watak Utama : Azmir**

1. Azmir diletakkan di wad sakit jiwa kerana keluarganya menyangka bahawa dia tidak siuman akibat sering terguling-guling dan menghantukkan kepada ke lantai.
2. Dia suka berfalsafah dan bersyarah.
3. Dia bijak kerana berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti dan memberi pendapat yang bernas.
4. Menghidap penyakit barah yang kronik.
5. Seorang yang berbudi bahasa kerana menyatakan penghargaan kepada mereka yang berjasa dalam membangunkan negara.
6. Seorang yang petah berkata-kata apabila menyuarakan pendapat.
7. Seorang yang bijak menyatakan pendapat sewaktu menyertai drama 'Sasau' secara spontan.
8. Azmir seorang yang optimis kerana tidak mudah melatah apabila disoal para pelakon drama sebaliknya menerangkannya dengan baik.

**Watak sampingan**

**Bapa**

1. Bapa kepada Azmir
2. Seorang yang penyayang kerana sering menziarahi Azmir.
3. Namun, dia kurang memberikan perhatian dan kasih sayang serta sokongan kepada Azmir kerana tidak tahu anaknya menghidap penyakit barah otak.

**Ibu**

1. Ibu kepada Azmir
2. Dia tidak prihatin terhadap anaknya.
3. Mengambil mudah tentang perubahan sikap Azmir dan menyangka anaknya itu sengaja buat-buat gila.
4. Mudah putus asa kerana menyatakan ketidaksanggupannya menjaga Azmir yang sengaja berbuat gila.
5. Mudah percaya tuduhan orang yang menyatakan Azmir menjadi Orang Putih.

**Arif**

1. Pengarah drama 'Sasau'.
2. Seorang yang rasional iaitu tidak mudah menerima komentar pelakon tentang Azmir.
3. Mudah bersimpati – bersimpati terhadap Azmir yang padanya sedang menderita bukannya gila seperti dakwaan doktor.

4. Seorang yang prihatin – berusaha menjejaki keluarga Azmir untuk mengetahui kedudukan sebenar Azmir yang dikatakan gila.

**Ani**

1. Kekasih Azmir.
2. Tidak setia kerana meninggalkan Azmir yang disangkanya gila tanpa usul periksa.
3. Menyedari kesilapannya, namun telah terlambat kerana Azmir telah meninggal dunia.

## LATAR

### Latar Tempat

1. Wad pesakit gila – tempat Azmir menjalani rawatan.
2. Pentas – tempat para pelakon drama 'Sasau' berlakon.
3. Rumah Azmir – tempat tinggal Azmir dan dikunjungi Arif serta rakan-rakannya.
4. Ruang tamu rumah Ani – tempat ani duduk membaca akhbar tentang kematian Azmir.

### Latar Masa

1. Waktu siang – Bapa dan Pak Haji melawat Azmir di wad.
2. Tiga hari – tempoh Azmir menghilangkan diri dari wad pesakit jiwa.
3. Sehari – tempoh Arif dan para pelakon berkawan dengan Azmir.
4. 21 Jun 1993 – tarikh kematian Azmir.

### Latar Masyarakat

1. Golongan pesakit yang menderita penyakit kronik – Azmir mengalami sakit kepala yang teruk kerana menghidap penyakit barah otak.
2. Masyarakat golongan doktor yang kurang ilmu – Dr Razi tidak teliti ketika memeriksa dan merawat Azmir. Sebaliknya, dia mengambil jalan mudah dengan mengatakan Azmir gila.
3. Masyarakat golongan ibu bapa yang kurang memberikan sokongan dan kasih sayang. – Ibu bapa Azmir sering mengambil mudah tentang perubahan sikap Azmir. Mereka tidak mengambil tahu tentang penderitaan Azmir yang menghidap barah otak.
4. Masyarakat yang prihatin dan mengambil berat. – Arif dan rakan-rakannya prihatin terhadap penderitaan Azmir. Mereka berkunjung ke rumah Azmir untuk melawatnya.
5. Masyarakat yang bijak dan petah berkata-kata. – Azmir mampu berkata-kata dengan petah dan hujah yang bernas.
6. Masyarakat yang penyayang, - Bapa Azmir melawatnya di hospital.
7. Masyarakat yang mudah mempercayai khabar angin tanpa menyelidik terlebih dahulu. – Ani mengambil keputusan memutuskan cinta dengan Azmir dan meninggalkannya setelah mendengar khabar bahawa Azmir kurang siuman.
8. Masyarakat yang menginsafi kesilapan. – Ani menginsafi kesilapannya kerana meninggalkan Azmir. Namun, tindakannya telah terlambat kerana Azmir sudah meninggal dunia.
9. Masyarakat yang bertimbang rasa. Arif dan para pelakon memberi peluang kepada Azmir berlakon dan mendudukkannya yang sakit apabila dipinta serta memicit-micit kepalanya.

## GAYA BAHASA

1. Simile – mata Azmir semacam melihat tepat ke arah suatu objek.
2. Anafora – HAMBA : <u>Rahsiamu? Rahsiamu</u> ialah penderitaanku tetapi kepuasanmu.
3. Repetisi - ANI : Percayalah. Ani masih <u>mencintai abang</u>, sungguh-sungguh <u>mencintai abang</u>.
4. Metafora – kamus kemanusiaan, pesona keghairahan, angin kemudaan, pohon-pohon jasa.
5. Sinkope – kau, mu, tak.
6. Kata ganda – daging-daging, saat-saat.
7. Bahasa Arab – Assalamualaikum, Astaghfirullah.

**NILAI**

1. Kasih sayang – bapa sayang akan Azmir dan menziarahinya di wad.
2. Keprihatinan – Pak Haji amat prihatin akan perubahan yang berlaku pada diri Azmir.
3. Rasional – Pak Haji bersikap rasional dengan menukar topik perbualan apabila Azmir menunjukkan rasa kurang senang.
4. Kebijaksanaan – Azmir bijak menyampaikan hujahnya tentang kuasa, wang, rakyat dan manusia kepada para pelakon drama 'Sasau'.
5. Bertanggungjawab – Arif dan para pelakon drama 'Sasau' bertanggungjawab menyampaikan khabar Azmir kepada kedua-dua ibu bapanya.
6. Kebebasan – Azmir berasa tertekan kerana terkurung di wad dan gembira apabila diberi peluang untuk bersiar-siar.
7. Belas kasihan – Arif dan rakan-rakannya bersimpati dengan keadaan Azmir yang kesakitan.
8. Kesihatan mental dan fizikal – Azmir sering terguling-guling dan menghantukkan kepalanya ke lantai akibat sakit tetapi pakar perubatan mengatakan bahawa dia gila.

**PENGAJARAN**

1. Kita hendaklah mengkaji sesuatu permasalahan yang timbul sebelum membuat penilaian.
2. Kita haruslah menjalinkan hubungan yang baik sesama manusia.
3. Kita sewajarnya menyatakan masalah yang melanda lebih awal agar tindakan segera dapat diambil.
4. Kita hendaklah bersedia mendengar rintihan seseorang yang menghadapi masalah.
5. Kita sepatutnya menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukannya.
6. Kita mestilah peka akan perubahan yang berlaku ke atas seseorang dan bukannya menghukumnya.
7. Kita hendaklah memberikan sokongan kepada pesakit supaya mereka kuat semangat dan berfikiran positif.
8. Janganlah kita terburu-buru mengambil tindakan yang akhirnya merugikan diri sendiri.